

**Satu Kajian Ke Atas Sebuah  
Persatuan Buddhis Di Negeri Sembilan**

**oleh**

**Voon Chee Kine**

**No. Matrik: 55333**

**Latihan ilmiah bagi memenuhi sebahagian  
daripada syarat-syarat untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera**

**Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur**

**Sesi 1990/91**

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak yang telah membantu pengkaji dalam menjayakan latihan ilmiah ini dan juga kepada mereka yang sentiasa mengambil berat tentang kemajuan tesis ini.

Pertama sekali, ribuan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Raymond Lee yang sudi menjadi penyelia pengkaji yang telah banyak memberi bimbingan, tunjukajar dan juga teguran-teguran yang sihat kepada pengkaji. Terima kasih juga diucapkan kepada ahli-ahli Persatuan Wai San Negeri Sembilan khasnya Wong Yoke Ying yang telah bekerjasama dan membantu pengkaji dalam memberikan maklumat-maklumat yang lengkap dan jelas tentang persatuan ini. Juga kepada Encik Soo Khin Wah yang membantu pengkaji mengenali sistem-sistem keagamaan orang-orang Cina.

Dalam menjayakan tesis ini, pengkaji juga amat terhutang budi kepada keluarga dan juga teman wanita pengkaji yang sentiasa berusaha membantu pengkaji, baik dari segi fizikal ataupun segi moral, khasnya Choon Wah. Usaha mereka amatlah pengkaji hargai.

## SINOPSIS

Kajian ini cuba meneliti semua aspek Persatuan Buddhis Wai San Negeri Sembilan. Kajian ini dimulakan di bab 2 dengan membincangkan latar belakang sistem-sistem keagamaan orang-orang Cina dengan tujuan memberikan satu gambaran ringkas kepada pembaca akan kewujudan berbagai-bagai jenis agama yang berperanan penting dalam kehidupan masyarakat Cina.

Untuk memulakan penelitian ke dalam persatuan ini, pengkaji akan bermula dari segi sejarah pembentukan dan perkembangan persatuan ini. Ini termasuklah penelitian keatas sumbangan-sumbangan personaliti-personaliti dan institusi-institusi yang pernah memajukan persatuan ini. Semua ini dimuatkan di dalam bab 3.

Dalam bab 4 pula, pengkaji memberi diskripsi yang selengkap boleh tentang persatuan ini. Ini termasuk gambaran fizikal, matlamat-matlamat dan mereka yang menghadiri persatuan ini. Di sini, pengkaji turut menghuraikan struktur organisasi dan badan pentadbiran persatuan. kedudukan kewangan persatuan juga dilihat secara amnya di dalam bab ini.

Penghuraian tentang aktiviti-aktiviti semasa yang dikelolakan di peratuan ini dimuatkan di dalam bab 5. Setiap aktiviti ini akan bertindak sebagai asas untuk membuat penilaian pencapaian persatuan ini di bab yang seterusnya.

Di dalam bab 6, pengkaji akan memberi satu penafsiran tentang masyarakat Buddhis di sini. Ini berdasarkan kepada pemerhatian dan pandangan pengkaji ke atas persatuan ini dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

Sebagai kesimpulan pula, pengkaji akan merumuskan semua perkara yang telah pengkaji huraikan berdasarkan perspektif pengkaji semata-mata. Pengkaji akan melihat tahap-tahap perkembangan dan pencapaian persatuan ini dalam memberi satu kedudukan persatuan ini di Negeri Sembilan dan dalam konteks sosial yang lebih luas lagi. Selain itu, pengkaji turut memberi penilaian keatas persefahaman dan kerjasama serta perubahan sosial yang wujud di antara ahli-ahli persatuan dan komuniti di dalamnya. Pengkaji turut membincangkan masalah ketara yang dihadapi oleh persatuan dan memberikan beberapa cadangan untuk kajian persatuan ini. Akhirnya, pengkaji melihat masa depan yang bakal dihadapi oleh persatuan ini.

## I S I   K A N D U N G A N

Halaman

DEDIKASI	.....	I
PENGHARGAAN	.....	III
SINOPSIS	.....	V
ISI KANDUNGAN	.....	
Bab 1 PENDAHULUAN	.....	1
1.1 Tujuan dan Bidang Kajian		
1.2 Tempat		
1.3 Metodologi Kajian		
a) Kerja Luar		
b) Metode Kajian		
1.3.1 Pemerhatian		
1.3.2 Temuramah dengan Informan Utama		
1.3.3 Temubual		
1.3.4 Data-data Secondary		
1.3.5 Pengambilan Gambar		
1.4 Masalah-Masalah Semasa Menjalankan Kajian		
1.5 Kajian Lepas		
Bab 2 LATAR BELAKANG SISTEM-SISTEM KEAGAMAAN ORANG-ORANG CINA	.....	10
2.1 Pemujaan Alam Semulajadi		
2.2 Pemujaan Nenek Moyang		
2.3 Taoisme		
2.4 Konfuciusme		
2.5 Buddhisme		
Bab 3 SEJARAH PENUBUHAN PERSATUAN WAI SAN	.....	24
3.1 Tahap 1 : 1970		
3.2 Tahap 2 : 1971 - 79		
3.3 Tahap 3 : 1980 - 87		
3.4 Tahap 4 : 1988 - 90		
Bab 4 DISKRIPSI TENTANG PERSATUAN WAI SAN NEGERI SEMBILAN	.....	42
4.1 Pengenalan		

4.2	Pentadbiran		
4.2.1	Ahli Jawatankuasa Persatuan		
a)	Pengerusi		
b)	Timbalan Pengerusi		
c)	Setiausaha		
d)	Bendahari		
e)	Kerani Surat Menyurat Cina		
f)	Kerani Surat Menyurat Inggeris		
g)	Juru Odit		
h)	Pegawai Perhubungan Awam		
i)	Ahli Jawatankuasa Biasa		
4.3	Mesyuarat		
4.3.1	Mesyuarat Agung Tahunan		
4.3.2	Mesyuarat Agung Tergempar		
4.3.3	Mesyuarat Bulanan Ahli Jawatankuasa Persatuan		
4.3.4	Mesyuarat Tergempar Ahli Jawatankuasa Persatuan		
4.3.5	Mesyuarat Projek Ahli Jawatankuasa Persatuan		
4.4	Keahlian		
4.4.1	Ahli Seumur Hidup		
4.4.2	Ahli Biasa		
4.5	Kewangan		
<b>Bab 5</b>	<b>AKTIVITI-AKTIVITI SEMASA PERSATUAN WAI SAN NEGERI SEMBILAN</b>		59
5.1	Perayaan Hari Wesak		
5.2	Kelas Chanting		
5.3	Ceramah dan Perbincangan Teologi Buddhis		
5.4	Upacara-upacara Sembahyang (Servis)		
5.5	Aktiviti-aktiviti Dakwah		
5.6	Lawatan-lawatan		
5.7	Perjumpaan-perjumpaan Sosial		
5.8	Kegiatan-kegiatan Kebajikan		
<b>Bab 6</b>	<b>BEBERAPA ASPEK POLITIK, EKONOMI DAN SOSIAL PENGANUT - PENGANUT BUDDHA PERSATUAN WAI SAN NEGERI SEMBILAN</b>		73
6.1	Populasi		
6.2	Sokongan Kewangan		
6.3	Kuasa		
6.4	Bahasa Komunikasi		
6.5	Organisasi Kerja		
6.6	Sikap terhadap Agama		
6.7	Peralihan Kuasa		

KESIMPULAN	.....	89
Nota-kaki	.....	98
BIBLOGRAFI	.....	101
Lampiran Gambar		
Lampiran 1	Peta Lakar Persatuan Wai San Negeri Sembilan.	
Lampiran 2	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan serta Penyata Akaun Tahunan Persatuan Wai San Negeri Sembilan.	
Lampiran 3	Struktur Organisasi Persatuan Wai San Negeri Sembilan.	
Lampiran 4	Senarai Nama Pemegang Jawatan Persatuan Wai San Negeri Sembilan.	
Lampiran 5	Borang Permohonan Keahlian Persatuan Wai San Negeri Sembilan.	
Lampiran 6	Kitab Miew Fatt Lin Fah Keng Pho Moon Pun.	

## PENDAHULUAN

### 1.1 Tujuan dan Bidang Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti sebuah persatuan Buddhis di Seremban, Negeri Sembilan secara keseluruhannya. Di dalam membuat kajian ini, pengkaji ingin melihat dan menilai pencapaian-pencapaian persatuan ini di Negeri Sembilan. Kedudukan persatuan di dalam masyarakat Cina di Negeri Sembilan juga turut diberi penilaian oleh pengkaji. Di dalam kajian ini juga, pengkaji akan melihat mekanisma-mekanisma yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti dan pentadbiran persatuan ini. Akhirnya, untuk memperolehi satu gambaran yang lebih jelas tentang keseluruhan persatuan ini, pengkaji akan meneliti aspek-aspek politik, ekonomi dan sosial masyarakat Buddhis di dalam persatuan ini.

Dalam mencapai tujuan-tujuan kajian ini, pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada beberapa bahagian. Pertamanya, pengkaji akan melihat persatuan ini dari segi sejarahnya, iaitu aspek-aspek pembentukan dan perkembangannya. Ini termasuklah penelitian ke atas tahap-tahap perkembangan persatuan dari tahap awal hingga ke hari ini. Pengkaji juga akan melihat sumbangan-sumbangan

personaliti dan institusi-institusi berkenaan yang terlibat secara langsung di dalam kemajuan persatuan ini. Penganalisaan tentang tahap yang pengkaji kira paling cemerlang juga akan dibuat di bahagian ini.

Di bahagian kedua pula, pengkaji akan melihat struktur organisasi dan aspek-aspek fizikal persatuan ini. Melalui ini pengkaji akan memberikan satu diskripsi penuh tentang persatuan ini seperti mana yang dilihat oleh masyarakat Cina di Negeri Sembilan. Di dalam bahagian yang ketiga pula, pengkaji akan menggolongkan aktiviti-aktiviti semasa yang dikelolakan oleh persatuan ini baik untuk ahli-ahlinya ataupun untuk masyarakat Buddhis di Negeri Sembilan.

Komponen-komponen kaum Cina yang membentuk ahli-ahli persatuan ini juga diteliti di dalam skop kajian ini. Selain dari itu, pengkaji juga akan memberi satu huraihan ringkas tentang penyertaan dan interaksi ahli-ahli persatuan sebagai faktor yang turut membentuk sebahagian imej persatuan ini. Seperkara lagi, latarbelakang sistem-sistem keagamaan orang-orang Cina juga dilihat secara ringkasnya.

## 1.2 Tempat

Pengkaji telah memilih Persatuan Wai San Negeri Sembilan kerana ianya merupakan sebuah persatuan Buddhis

yang agak baru di Negeri Sembilan. Selain daripada itu, persatuan ini juga adalah agak popular di kalangan masyarakat Buddhis di sini. Lagipun bilangan persatuan Buddhis di Negeri Sembilan adalah terhad. Bagaimanapun faktor terpenting di dalam pemilihan tempat ini ialah kerana ibu pengkaji adalah salah seorang ahli persatuan ini. Ini membolehkan pengkaji mengenali para pentadbir persatuan ini dengan lebih mudah melalui hubungan yang baik antara ibu pengkaji dan para pentadbir persatuan ini. Maka ini akan memudahkan pengkaji menjalankan kajian ke atas persatuan Buddhis ini. Faktor lain adalah persatuan ini berhampiran dengan tempat kediaman pengkaji dan belum ada sesiapapun yang menulis tentang persatuan ini termasuk ahli-ahlinya.

### **1.3 Metodologi Kajian**

#### **a) Kerja Luar**

Semua kajian ini telah dijalankan di bandar Seremban. Objektif utama pengkaji menggunakan Persatuan Wai San sebagai satu unit analisis ialah kerana ia dapat memudahkan pengkaji mendsapatkan maklumat yang lengkap mengenai persatuan Buddhis yang bermazhab Mahayana. Menerusi kajian ini, pengkaji telah memperolehi maklumat seperti sejarah perkembangannya, struktur organisasi, fungsi-fungsi yang dimainkan serta interaksi ahli-ahli persatuan di

sepanjang masa kajian ini.

b) **Metode Kajian**

Metode kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah melalui pemerhatian, temuramah dengan informan utama, temubual dan pengambilan gambar. Kajian ini juga dilakukan melalui pembacaan data-data secondary seperti rekod-rekod persatuan dan dokuman-dokuman yang berkaitan dengan persatuan ini.

1.3.1 **Pemerhatian**

Metode ini digunakan supaya pengkaji dapat memperolehi satu gambaran secara langsung tentang persatuan ini. Untuk ini pengkaji telah berulang-alik ke persatuan dari masa ke semasa iaitu khasnya pada hari Ahad dan semasa upacara-upacara persatuan yang lain. Ini dijalankan di antara bulan April hingga Jun dan seterusnya pada bulan Oktober iaitu sempena dengan cuti semesta pengkaji. Melalui pemerhatian ini, pengkaji dapat melihat dan menilai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan serta menganalisa ahli-ahlinya dari segi pergaulan dan interaksi sosial mereka. Selain daripada itu pengkaji juga dapat melihat dengan sendirinya mekanisma-mekanisma yang terlibat dalam kejayaan-kejayaan aktiviti- aktiviti yang di kelolakan

### **1.3.3 Temubual**

Metode ini digunakan oleh pengkaji untuk membentuk satu suasana yang rapat di antara pengkaji dengan mereka yang mengunjungi persatuan ini termasuklah ahli jawatankuasa persatuan. Melalui cara ini, ia membolehkan pengkaji memperolehi jawapan-jawapan yang lebih khusus mengenai hal-hal di persatuan yang tidak dapat pengkaji perhatikan. Pengkaji memilih untuk tidak menggunakan langsung kaedah soalan berstruktur kerana pengkaji tidak mahu responden terikat dengan soalan yang diajukan sahaja tetapi memberi kebebasan kepada responden untuk berbual dengan pengkaji secara bebas. Di dalam kaedah temubual ini, pengkaji juga dapat menilai kesahihan jawapan yang diberikan oleh responden kelak.

### **1.3.4 Data-data Secondary**

Kaedah pengumpulan data-data secondary ini digunakan untuk membolehkan pengkaji memperolehi maklumat-maklumat yang tidak dapat diperolehi oleh pengkaji melalui kaedah-kaedah lain. Untuk ini, pengkaji telah membuat rujukan terhadap dokumen-dokumen persatuan yang di antara lain termasuklah Laporan Minit Mesyuarat, Rekod Kewangan, dan fail-fail persatuan. Selain dari itu buku-buku mengenai sistem keagamaan orang-orang Cina juga dirujuk untuk

melengkapkan kajian ini.

### **1.3.5 Pengambilan Gambar**

Metode ini digunakan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang aspek-aspek fizikal dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan ini sahaja.

### **1.4 Masalah-masalah Semasa Menjalankan Kajian**

Sepanjang tempoh kajian ini dijalankan pengkaji telah menerima sambutan yang memuaskan terutamanya bantuan dan sokongan yang diberikan oleh ahli-ahli jawatankuasa persatuan Wai San yang begitu baik. Malah badan pentadbir persatuan ini mengalu-alukan kajian ini dijalankan kerana kesudian pengkaji membuat kajian ke atas persatuan ini. Selain daripada itu pengkaji juga mempunyai hubungan yang agak baik dengan ahli-ahli jawatankuasa persatuan di mana ibu pengkaji sendiri adalah merupakan salah seorang daripada ahli persatuan ini. Dengan ini pengkaji telah mendapat kerjasama yang sepenuhnya dari ahli jawatankuasa dan ahli-ahli persatuan ini. Juga, pengkaji bebas keluar masuk ke persatuan serta menyertai aktiviti-aktiviti yang dikelolakan oleh persatuan ini. Pengkaji juga dibenarkan menggunakan Bilik Sumber persatuan di mana pengkaji dibenarkan meneliti dokumen-dokumen dan kitab-kitab

persatuan dengan bebasnya.

Walau bagaimanapun, pengkaji menghadapi beberapa masalah di sepanjang masa kajian ini dijalankan. Masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji ialah ketidakmampuan pengkaji memahami dan membaca bahasa Cina kerana pengkaji adalah dari aliran pendidikan Inggeris. Oleh kerana kajian ini adalah mengenai sebuah persatuan Buddhis, maka kebolehan untuk membaca dan memahami bahasa Cina adalah amat berguna untuk membolehkan pengkaji membuat kajian yang lengkap dalam meneliti data-data persatuan yang hampir kesemuanya ditulis dalam bahasa Cina.

Pengkaji juga menghadapi masalah pertuturan bahasa Cina berdialek Kantonese. Walaupun pengkaji boleh bertutur dialek kantonese tetapi penguasaan dialek kantonese pengkaji adalah lemah. Oleh itu pengkaji terpaksa meminta bantuan orang lain untuk menjadi orang perantaraan pengkaji pada setiap kali kajian ini dijalankan. Selain daripada itu, pengkaji juga mengalami masalah kesuntukan masa dalam menjalankan kajian ini. Ini menyebabkan pengkaji tidak dapat mengikuti kesemua aktiviti persatuan. Di sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji hanya dapat menyertai aktiviti Kelas Chanting dan Dhamma Talk pada hari Ahad, upacara Chanting pada hari Pertama dan hari ke Lima belas (mengikut kalender Cina) dan Servis Chanting kepada si mati sahaja.

## 1.5 Kajian Lepas

Buat masa ini kajian tentang persatuan Buddhis adalah amat terhad. Pengkaji hanya dapat mengesan sebuah kajian sahaja berkenaan dengan persatuan Buddhis iaitu kajian yang dilakukan oleh Ronnie Teo Cheng Poh. Kajian ini adalah merupakan sebuah latihan ilmiah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya pada sesi 1987/88 yang bertajuk **Satu Kajian Ke Atas Satu Persatuan Buddhis Di Negeri Melaka**. Kajian ini adalah bertumpu kepada Persatuan Buddhis Seck Kia Eenh, Melaka.

## LATAR BELAKANG SISTEM-SISTEM KEAGAMAAN ORANG-ORANG CINA

Dalam meneliti soal sistem -sistem keagamaan orang-orang Cina, pendapat Joachim Wach dan Paul Tilhah telah digunakan untuk mendefinisikan keagamaan orang-orang Cina iaitu;

*"Religion as the System of beliefs, ritualistic practices and organizational relationships designed to deal with ultimate matters of human life such as the tragedy of death, unjustifiable sufferings, unaccountable frustrations, uncontrollable hostilities that threaten to shatter human social ties and the vindication of dogmas against contradictory evidences from realistic experience."*<sup>1</sup>

Berbagai-bagai istilah telah digunakan untuk merujuk kepada maksud agama. Perkataan chiao (doktrin panduan), tao (bermaksud cara) dan sung chiao yang bermaksud doktrin kepercayaan merupakan istilah-istilah yang digunakan oleh masyarakat Cina dalam menyatakan keagamaan mereka. Pada hakikatnya, agama dibentuk oleh struktur kepercayaan kepada tuhan-tuhan dan roh-roh, upacara-upacara pemujaan dan pengembangan organisasi-organisasi yang wujud dari kepercayaan-kepercayaan orang-orang Cina.

Kedudukan agama dalam masyarakat Cina merupakan

satu subjek yang kontroversi. Ia kerana pada peringkat desa, wujud amalan-amalan dan kepercayaan-kepercayaan magis di mana keseluruhan kehidupan seseorang itu dipenuhi dengan dunia ketuhanan, roh-roh dan hantu-hantu. Maka secara umumnya orang-orang Cina dianggap sebagai mereka yang mempercayai kepercayaan-kepercayaan karut.

Pada dasarnya negara China dikatakan mempunyai tiga agama; Konfuciusme, Taoisme dan Buddhisme. Selain dari ini terdapat juga pemujaan alam semulajadi dan menyembah nenek moyang. Kesemuanya, kecuali Buddhisme adalah berasal dari negara China, sementara agama Buddha pula telah dibawa masuk dari India. Walaupun ke semua sistem keagamaan ini berlainan, namun kita jarang mendapati seseorang itu menganut satu sistem agama sahaja dan mengetepikan sistem-sistem agama yang lain secara keseluruhannya. Maka dikatakan bahawa:

"the three religions are one, they are three ways to one goal, and all three claim to teach tao, the way or order of the universe."<sup>2</sup>

## 2.1 Pemujaan Alam Semulajadi

Pada masa dahulu kebanyakan penduduk China adalah terdiri dari petani atau peladang. Tumpuan utama mereka adalah mengerjakan tanah warisan nenek moyang mereka dengan

harapan untuk mendapatkan hasil yang banyak bagi menyara kehidupan seisi keluarga. Melalui pengalaman, mereka mendapati bahawa beberapa faktor luaran berperanan menentukan kejayaan atau kegagalan hasil tanaman mereka. Faktor-faktor luaran ini adalah terdiri daripada bentuk alam semulajadi seperti banjir, taufan, gempa bumi, tanah-tanih, kilat dan sebagainya. Faktor-faktor luaran ini akan menyebabkan kerosakan hasil tanaman mereka dan membawa kepada penderitaan yang tidak terhingga seperti kebuluran dan kematian yang disebabkan oleh kekurangan makanan.

Sebagai seorang yang tidak berpelajaran dan jahil, mereka tidak dapat memahami kejadian bencana alam ini dan menganggapnya sebagai hasil kerja kuasa-kuasa ghaib. Mereka juga percaya bahawa penjelmaan kuasa-kuasa ghaib ini mempunyai perasaan<sup>3</sup>. Oleh itu tokong-tokong telah dibina untuk berbakti kepada tuhan-tuhan angin, kilat dan sebagainya. Pemujaan-pemujaan diberikan kepada tuhan-tuhan ini dan upacara-upacara agama dilakukan dari semasa ke semasa. Pemujaan-pemujaan ini dilakukan di tanah lapang atau pada tempat ibadat yang di perbuat dari batu dan di kelilingi dengan dinding-dinding kecil. Pemujaan ini masih dipraktikkan sehingga ke hari ini di mana pengaruh keagamaan mereka masih tersirat di dalam ingatan mereka.

## 2.2 Pemujaan Nenek Moyang

Masyarakat Cina selalu merasakan bahawa walaupun dengan ikhtiar yang bersungguh-sungguh, kebolehan dan keupayaan manusia sendiri sahaja adalah tidak mencukupi untuk menjamin kesejahteraan jasmani, kejayaan ekonomi dan kemesraan keluarga. Akan selalu wujud perasaan bahawa kejayaan atau kegagalan di dalam aspek-aspek ini bukanlah tertakluk keseluruhannya pada kekuasaan manusia, tetapi memerlukan berkat dari kuasa-kuasa luar biasa.

Elemen keagamaan yang paling penting dalam kehidupan keluarga ialah pemujaan nenek moyang. Ia adalah satu sistem agama yang paling banyak menyumbang ke arah integrasi dan pengekalan atau perpaduan keluarga sebagai satu unit asas masyarakat Cina.<sup>4</sup> Ini terlihat dalam keluarga Cina yang mempunyai tempat pemujaan nenek moyang yang diletakkan pada ruang utama rumah dimana terdapatnya beberapa kepingan kayu yang di ukir dengan huruf-huruf cina yang mewakili kematian seorang nenek moyang. Kewujudan perdupaan, pembakaran minyak lampu, colok dan lilin yang dipersembahkan pada masa-masa tertentu dan pada upacara-upacara keagamaan mengesyorkan bahawa si mati terus menduduki satu tempat dalam aktiviti-aktiviti keluarga dan berterusan menjaga kelakuan ahli-ahli keluarga serta berperanan dalam perjuangan keluarga tersebut atas

kebahagiaan dan kemakmuran hidup.

Amalan pemujaan nenek moyang sebagai asasnya adalah satu cara untuk mengatasi perasaan hiba dan perpecahan perpaduan atas peristiwa kematian seorang ahli rapat di dalam satu kumpulan keluarga. Maka untuk mengandaikan kewujudan berterusan si mati, mereka percaya bahawa roh si mati itu ada bersama mereka. Masyarakat Cina yang lebih maju merujuk pemujaan nenek moyang ini sebagai satu bentuk penghormatan kepada si mati dan sebagai satu cara menunjukkan kasih sayang terhadap tradisi berterusan. Untuk masyarakat biasa pula, pemujaan nenek moyang ini menandakan satu ketakutan kepada si mati. Mereka takut bahawa roh si mati akan pulang dan mencelakakan mereka sekiranya perhatian dan penjagaan yang sewajarnya tidak diberikan kepada si mati.

Amalan pemujaan nenek moyang ini mempunyai dua bahagian besar, iaitu upacara pengebumian yang dijalankan sebaik sahaja berlakunya kematian dan upacara penyembahan yang mengekalkan hubungan jangka panjang di antara si mati dengan yang hidup. Upacara pengebumian ini biasanya mengambil masa yang panjang dan mengandungi maksud-maksud simbolik. Upacara ini dilakukan dengan tujuan memberi manfaat dan keselamatan roh, untuk perlindungan kepada mereka yang hidup dari yang mati, untuk mengambarkan

kesedihan atau kepiluan dan untuk menghimpun kembali kaum keluarga serta penegasan semula status keluarga.<sup>5</sup>

Upacara penyembahan pula wujud dalam bentuk yang mudah seperti pembakaran colok pada sebelah pagi dan sebelah malam, membongkok di depan roh iaitu satu kepingan kayu di mana terdapatnya ukiran huruf-huruf Cina. Ini merupakan satu cara perhubungan dengan si mati dan sebagai satu peringatan tentang kewujudan peranan si mati dalam kehidupan mereka yang hidup itu.

Pada hari ini pemujaan nenek moyang diadakan beberapa kali dalam setahun iaitu pada Tahun Baru Cina, Qing Ming (hari roh), Tung Chi (solstic musim sejuk iaitu pada 22hb Disember)<sup>6</sup> Makanan dan minuman akan disajikan kepada nenek moyang mereka di mana kesyukuran di lafazkan atas permintaan-permintaan yang telah dimakbulkan. Selain dari itu permintaan juga diutarakan untuk melindungi keluarga dari mendapat nasib malang dan memberi kebahagiaan serta nasib baik pada masa yang akan datang.

### 2.3 Taoisme

Taoisme adalah satu pengajaran yang dibawa oleh Lao Tze. Beliau ialah seorang ahli falsafah bangsa Cina yang termahsyur. Lao Tze di lahirkan pada tahun 804 Sebelum

Masehi di kampung Chu-Jhren. Ayahnya bernama Li Li, seorang miskin yang amat susah kehidupannya. Nama asal Lao Tze ialah Li Yeh Yang.<sup>7</sup>

Taoisme bukanlah satu agama di mana ajaran-ajaran asalnya adalah 'philosophical in nature, pure and unadulterated.'<sup>8</sup> Ajaran Lao Tze lebih bertumpu kepada sifat-sifat manusia. Beliau mengajar bahawa manusia membawa kesengsaraan ke atas diri sendiri dengan cuba memperolehi benda-benda yang tidak dapat mereka perolehi. Sekiranya mereka mengelakkan diri dari melakukan ini, keamanan akan diperolehi dan seterusnya negara boleh menjadi lebih aman dengan berkurangnya kegiatan jenayah.

Di sebabkan ajaran-ajarannya terlalu susah untuk difahami oleh masyarakat China dan dengan kemasukan Buddhisme, maka pada lebih kurang kurun keenam Selepas Masehi, Taoisme pun mula merosot. Kemerosotannya yang secara beransur-ansur telah mewujudkan satu bentuk amalan dan kepercayaan-kepercayaan karut kepada berbagai bentuk tuhan dan makhluk-makhluk halus dan jahat seperti yang kita dapati pada masyarakat golongan biasa yang kurang berpelajaran pada masa itu. Penganut-penganut Taoisme yang terkenal telah mencipta satu sistem jampi mentera terhadap roh-roh jahat (kui). Wujud juga roh-roh baik (shen) yang dipercayai mempunyai kuasa untuk menyembuhkan mereka yang

sakit. Roh-roh ini berkomunikasi melalui bomeh atau pawang yang merupakan orang yang dipercayai menerima panggilan dari roh. Perkhidmatan mereka akan dibayar dengan sejumlah bayaran kecil yang dimasukkan ke dalam sampul merah. Fu atau kepingan kertas kuning yang tertulis huruf-huruf dalam dakwat hitam atau merah akan diberikan kepada si pesakit untuk dibakar dan dimasukkan ke dalam air lalu diminum.

Azimat dan tangkal pula adalah popular untuk menjauhkan roh-roh jahat. Dengan ini Sami-sami Taoisme menjadi ahli dalam jampi dan pembuatan azimat di mana ia dilakukan dengan tujuan yang baik. Mereka percaya bahawa ilmu batin tidak akan digunakan untuk sebarang kejahatan kerana roh-roh jahat akan datang balik kepada mereka yang melakukannya. Pembentukan berbagai jenis tuhan ini adalah untuk memenuhi keperluan-keperluan masyarakat biasa. Maka dengan itu sami-sami Taoisme mendakwa bahawa mereka mempunyai kuasa-kuasa luar biasa untuk mengawal bencana-bencana alam dan sebagai rahsia kepada kehidupan akhirat. Mereka juga mengaku bahawa mereka mengetahui kuasa Feng Shui (angin dan air) dan konsep Yin Yang iaitu prinsip-prinsip negatif dan positif alam semesta.<sup>9</sup>

## 2.4 Konfuciusme

'Konfucius' ialah panggilan orang Eropah untuk

Kong Fu Tze, seorang ahli falsafah China. 'Kong' ialah nama keluarga Konfucius dan 'Fu Tze' bererti 'Guru Yang Berhormat'. Beliau dilahirkan di Kota Tsow di negeri Lu dalam jajahan Shantung, negeri China pada tahun 551 Sebelum Masehi.<sup>10</sup> Ayahnya, Shuh Liang Heih adalah seorang ketua yang dihormati di kota Tsow. Sebelum umur Kong Fu Tze meningkat tiga tahun, ayahnya telah meninggal dunia. Kong Fu Tze berkahwin sewaktu usianya 19 tahun, tetapi berpisah dengan isterinya apabila dirasakan perkahwinan itu tidak sesuai. Pada tahun 565 Sebelum Masehi Konfucius pergi ke daerah tempat tinggal Lao Tze untuk menambahkan ilmu pengetahuannya dengan membuat rujukan perpustakaan di sana. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Penyelia dalam Jabatan Pertanian tetapi berhenti apabila dirasakan jawatan itu tidak begitu sesuai dengan jiwanya. Kemudian beliau memilih untuk menjadi guru di kota Lu. Semasa menjadi guru inilah, beliau memerahkan otak dan tenaganya berkhidmat demi ilmu pengetahuan, mengajar dan membuat kajian-kajian ilmiah.

Lima belas tahun kemudian, beliau telah kembali semula ke negerinya lalu dilantik menjadi Ketua Tertinggi, yakni sebagai Perdana Menteri bagi kota Chung Tu. Disebabkan kejayaan yang cemerlang dan kedudukannya, perasaan dendam dan dengki timbul di kalangan pembesar-pembesar negeri itu. Ini adalah kerana pengajarannya telah berjaya mempengaruhi orang ramai pada masa itu. Untuk menjatuhkan Konfucius

pembesar-pembesar telah menghasut raja di mana akhirnya nasihat-nasihat Konfucius tidak diterima lagi oleh raja. Maka Konfucius pun berhenti dari jawatannya dan telah merantau selama 13 tahun ke beberapa tempat untuk menyebarkan ajaran-ajarannya. Walaupun beliau mendapat sambutan hangat dari orang ramai, tidak ada seorang ketua atau raja yang mahu menerima nasihat-nasihatnya. Namun demikian, ancaman dan sambutan dingin yang diberikan oleh pembesar-pembesar ini tidak mematahkan semangat Konfucius dalam perjuangannya. Malah beliau terus berusaha untuk menyebarkan ajaran-ajarannya kepada orang ramai.

Apabila puteranya yang bernama Li dan dua orang anak muridnya yang sangat disayangi meninggal dunia, Konfuciuspun berhenti dari merantau. Beliau mula menumpukan perhatian kepada menyalin kitab-kitab suci lama yang mana hingga sekarang ini masih menjadi sumber falsafah orang-orang Cina. Pada hari yang ke sebelas pada bulan 4 dalam tahun 478 Sebelum Masehi Konfucius pun meninggal dunia setelah menghidap demam selsema selama sebelas hari lamanya.<sup>11</sup> Mayatnya telah ditanam di tepi sungai Sze di utara Kota Lu.

Setelah Konfucius meninggal dunia, ajaran-ajarannya semakin mendapat sambutan dari masyarakat dan tersebar dengan lebih pesat lagi. Konfucius tidak pernah

mengakui dirinya sebagai seorang nabi atau rasul tetapi penganut-penganutnya telah mendewa-dewakannya dan menyembahnya. Untuk menghormatinya, mereka telah mendirikan berbagai-bagai patung dan mempersesembahkan korban anak-anak babi dan arnab di hadapan patung-patung tersebut sambil tunduk menyembah di hadapan patung tersebut.

Ajaran Konfucius iaitu Konfuciusme selalu di salah tafsir sebagai satu agama dan pada satu ketika, dalam sejarah China ajaran ini dikenali sebagai 'China indigenous religions', berdasarkan kepada sokongan kuat yang diberikan oleh raja.<sup>12</sup> Ciri utama yang membayangkan konfuciusme adalah nilai-nilai etika dan moral, ketaatan ibu bapa dan hormat kepada orang tua, pemujaan nenek moyang dan tanggungjawab sosial. Menurut ajaran ini, takdir manusia adalah bergantung atas usaha-usaha moralnya dan bukan terhadap kuasa ghaib. Konfuciusme juga memberi perhatian kepada tingkah laku manusia dan hubungan persaudaraan. Keamanan dan keharmonian tidak akan dapat dicapai sekiranya manusia tidak membentuk perhubungan yang baik sesama sendiri.

Ajaran Konfucius pada keseluruhannya adalah berdasarkan kepada alam dunia tanpa menyentuh tentang sebarang kematian dan kehidupan selepas kematian. Beliau selalu dipetik sebagai berkata:

" When we don't know what life is, how can we know about death ? "

Pengajarannya juga tidak mempunyai sebarang kaitan dengan alam roh dan nasihatnya berdasarkan perkara ini ialah:

" Respect the spirit but have nothing to do with them. "<sup>13</sup>

## 2.5 Buddhisme

Pengasas agama Buddha ialah Sidharta. Beliau disebut juga dengan nama keluarganya yang mashyur iaitu 'Sakya'. Kadang-kadang beliau juga dipanggil 'Gautama' atau 'Buddha Gautama' iaitu nama moyangnya. 'Buddha' pula adalah perkataan Sanskrit yang bererti 'pengetahuan yang sempurna' atau 'yang telah sedar'.<sup>14</sup> Gautama dilahirkan pada kira-kira tahun 563 Sebelum Masehi. Ayahnya, Suddhodana, ialah seorang ketua bagi suku Sakya. Ibunya bernama Maha Maya iaitu seorang puteri raja. Sidharta dilahirkan di Kota Kapilavastu, di selatan Negeri Nepal, di kaki Gunung Himalaya.

Semasa keluar bersiar-siar di luar istananya, Sidharta telah melihat beberapa penderitaan yang dialami oleh manusia. Peristiwa-peristiwa ini telah menyedarkan Sidharta tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia

lalu beliau berusaha untuk mencari jalan bagi memperolehi jawapan-jawapan kepada penderitaan manusia itu. Pada satu malam ketika pengawal-pengawal istana terlalai, Sidharta terus meninggalkan istana dengan bersumpah bahawa beliau tidak akan kembali lagi ke kota Kapilavastu selagi beliau belum berhasil mencapai cita-citanya untuk mencapai kesempurnaan hidup dan darjat yang tinggi, tidak terkena tua, sakit dan mati. Akhirnya, setelah tinggal selama 6 tahun di Budimada dan bertapa selama 6 tahun di bawah pohon Bo, beliau berjaya mencapai darjat Buddha, iaitu ilmu yang sempurna yang dapat memberi petunjuk kepadanya dalam membersihkan dirinya. Inilah yang menjadi asas bagi agama baru iaitu agama Buddha.

Di antara tahun 200 Sebelum Masehi dan 200 Selepas Masehi, Buddhisme mula berkembang ke Asia Tengah dan Ke Negeri China. Kekuasaan agama Buddha yang pertama terlihat dengan kedatangan sami-sami India iaitu Sami Kasyapa, Matanga dan Dharmaranya di Luoyang pada tahun 67 Selepas Masehi. Kemasukan agama Buddha telah ditentang kerana ia dianggap tidak bermoral di mana ia bercanggah dengan ajaran Konfucius khasnya dalam soal tanggungjawab anak lelaki terhadap keluarganya. Tetapi apabila masyarakat China mendapati ajaran Buddha ini mempunyai falsafah yang lebih mendalam berbanding dengan ajaran Taoisme dan Konfuciusme, mereka mula menerima agama baru ini. Penerimaan

agama Buddha di kalangan orang China bertambah apabila Sami Fa Sien kembali dari India setelah mempelajari agama Buddha dengan mendalam iaitu di antara tahun 401 - 410 Selepas Masehi.

Agama Buddha tidak memperkatakan tentang tuhan dan ketuhanan. Ajaran Buddha mempercayai adanya balasan pahala dan dosa setelah mati dan perhitungan akan dijalankan di akhirat. Mereka yang banyak membuat pahala akan mencapai 'Kebahagian Abadi'. Satu daripada asas agama ini ialah wujudnya penderitaan yang merupakan kewujudan dalam amalan hidup kita. Manusia selalunya tidak pernah puas hati. Ketidakpuasan ini mengakibatkan penderitaan dan untuk mengatasinya, manusia perlulah menghapuskan sifat ini. Ini dilakukan dengan mengikuti 'Lapan Jalan Kebenaran'. Ini dijalankan dengan mengubah pandangan seseorang terhadap perasaannya, percakapannya, kelakuannya dan fikirannya melalui cara bertafakur.<sup>15</sup> Bagi mencapai kebahagian yang abadi ini, semua orang mestilah bertafakur dan memelihara tegahan Buddha yang lima, iaitu:

- 1) Jangan membunuh
- 2) Jangan mencuri
- 3) Jangan berzina
- 4) Jangan berdusta dan,
- 5) Jangan meminum minuman yang memabukkan.<sup>16</sup>

### SEJARAH PENUBUHAN PERSATUAN WAI SAN

#### 3.1 Tahap 1 : 1970

Pada akhir tahun 1950an, Madam Teh Sou So dan mendiang Kok Yun Suat telah menjemput seorang sami Buddha dari Persatuan Miao Fa (妙法), Hong Kong<sup>17</sup> yang bernama Yuan Chan (远参) ke Seremban untuk memberikan ceramah teologi Buddhis. Ceramah ini telah diadakan di sebuah Tokong Cina yang dikenali sebagai Pei Sein Gung<sup>18</sup> (烈聖公) di Jalan Murray. Sebanyak tiga siri ceramah teologi Buddhis telah diberikan oleh sami Yuan Chan di Tokong ini di antara akhir tahun 1950an hingga awal tahun 1960an. Beliau telah meninggal dunia dalam tahun 1965.

Daripada siri-siri ceramah teologi buddhis yang dikhubahkan oleh sami Yuan Chan, maka wujudlah satu golongan penganut buddhis yang diketuai oleh Madam Teh Sou So dan mendiang Kok Yun Suat yang berdasarkan teologi kitab Buddhis Miew Fatt Lin Fah Keng<sup>19</sup> (MFLFK) (妙法蓮華經). Demi memperkembangkan kitab ini di Malaysia dan kebaikan untuk masyarakat, golongan ini telah bercita-cita untuk mewujudkan sebuah persatuan yang berdasarkan teologi Buddhis tersebut. Selain daripada dua tujuan di atas, matlamat utama

golongan ini ialah untuk menyediakan sebuah tempat tinggal untuk Sami-sami Miao Fa dari Hong Kong apabila mereka datang ke Seremban untuk memberikan ajaran-ajaran Buddha ini kepada penganut-penganut Buddha di sini.

Oleh yang demikian, pada 3hb Oktober 1969 satu mesyuarat telah diadakan oleh golongan penganut Buddha ini untuk membentuk sebuah persatuan. Akhirnya golongan ini dengan sepakat suara telah bersetuju membentuk sebuah persatuan Buddhis dengan nama Wai San Hock Fatt Pak Yip Negeri Sembilan (森美兰学佛同业社). Dengan perlantikan satu Ahli Jawatankuasa Persatuan, satu rangka peraturan-peraturan persatuan telah digubal seminggu selepas mesyuarat pertama itu untuk dihantarkan kepada kerajaan untuk mendapatkan kebenaran pendaftaran persatuan. Akhirnya pada 24hb Mac 1970 Persatuan Wai San telah didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan dengan nombor pendaftaran 187 di bawah seksyen 7 dalam Akta Pertubuhan, 1966 dengan beralamatkan 28 River Road, Seremban, Negeri Sembilan, iaitu di sebuah bilik kecil yang dijadikan sebagai tempat berkumpul ahli-ahli persatuan buat sementara waktu.

Ahli Jawatankuasa Persatuan Wai San yang baru didaftarkan ini terdiri daripada 19 orang. Mereka ini adalah seperti berikut:

Pengerusi	: Teh Ssu So (郑瘦骚)
Naib Pengerusi	: Kok Yun Suat (郭影雪)
Setiausaha	: Wong Yoke Ying (黄玉英)
Penolong Setiausaha	: Aw Rong (欧容)
Bendahari	: Ruan Mei Chin (阮美卿)
AJK Perhubungan	: Lim Ah Poh (林亚宝)
	Leong Hui Lan (梁惠兰)
Pengelola Buku Cina	: Teng Poh Chin (邢宝珍)
Pengelola Buku Inggeris	: Wong Chong San (黄中生)
Juru Odit Persatuan	: Aw Yong Ah Chuan (欧阳亚钻)
Ahli Jawatankuasa Biasa	: Chen Pek Hua (曾碧华)
	Goh Fu Eng (吴佛英)
	Ma Kim Lan (马金兰)

Lee Ping Eng

(李頻英)

Yap Poh Kian

(叶宝娟)

Chan Peng Chin

(陈品真)

Chen Hui Chin

(陈惠珍)

Yau Li Chin

(叶丽卿)

Tong Yu Kean

(湯有健)

Selaras dengan penubuhan persatuan ini, satu akaun telah dibuka di Lee Wah Bank atas nama Persatuan Wai San dengan tujuan menyelaraskan kewangan persatuan ini.

Memandangkan tempat persatuan sekarang di River Road adalah buat sementara waktu sahaja, maka satu Jawatankuasa Kecil yang terdiri daripada 6 orang telah diantik pada 7hb Oktober 1970 untuk mencari sebuah lokasi yang sesuai untuk mendirikan sebuah bangunan persatuan. Selaras dengan ini, satu Jawatankuasa Tabung Derma Persatuan juga diwujudkan untuk memperolehi dan menambah kewangan persatuan.

Mendengar tentang **hasrat persatuan** untuk mendapatkan sebuah tempat bagi **mendirikan** bangunan persatuan, maka seorang ahli yang bernama Choy Ah Choy (陈亚财) telah mmenawarkan sebuah tempat di Jalan Sikamat kepada persatuan. Atas usaha Pengurus persatuan dan sumbangan dari ahli-ahli, derma telah diperolehi dan sebuah dewan kecil di Jalan Sikamat dibina sebagai tempat kegunaan Persatuan Wai San. Dengan perpindahan lokasi persatuan dari River Road ke Jalan Sikamat, Persatuan Wai San telah didaftarkan semula di bahagian Pendaftaran (unit Pendaftaran Persatuan) di Lot 16, Sikamat New Village, Seremban, Negeri Sembilan, pada 26hb November 1970.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Persatuan Wai San di sepanjang masa penubuhannya sehingga ke akhir tahun 1970 adalah lebih banyak berkisar pada sumbangan-sumbangan berbentuk kewangan kepada ahli-ahli persatuan dan kaum keluarga ahli-ahli yang meninggal dunia. Dalam jangkamasa ini Persatuan Wai San lebih bertumpu kepada mendapatkan satu lokasi yang sesuai serta menyediakan satu struktur Ahli Jawatankuasa Persatuan yang lengkap.

### **3.2 Tahap 2 : 1971 - 1979**

Pada bulan Januari 1971, satu Jawatankuasa Persatuan yang terdiri dari 11 orang telah dibentuk untuk

menguruskan kerja-kerja pembinaan bangunan persatuan yang baru di Jalan Sikamat. Disebabkan bangunan persatuan ini belum siap dibina, Persatuan Wai San telah meminjam Tingkat Tiga bangunan Che Sim Khor Moral Uplifting Society ( CSK )<sup>20</sup> (德教會紫森閣) di Jalan Lemon sebagai tempat kegunaan sementara bagi persatuan. Memandangkan persatuan ini masih belum mempunyai sebuah patung Buddha, maka, salah seorang daripada ahlinya yang bernama Chew Beng Jn (周文英) telah mendermakan sebuah patung Buddha kepada persatuan ( tarikh pendermaan patung Buddha ini tidak diketahui). Pada tahun yang sama juga persatuan ini telah membeli beberapa alat kelengkapan pejabat lama dengan bayaran sebanyak \$ 500.00 . Alat-alat ini terdiri daripada 4 buah meja tulis, 20 buah kerusi, 2 buah meja panjang, sebuah kipas gantung, sebuah papan hitam, jam dan almari.

Persatuan Wai San telah memulakan kelas Chanting pada 1hb Mac 1871, pukul 3 petang pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat bertempat di CSK. Selain daripada itu, untuk mengeratkan lagi perhubungan di antara ahli-ahli persatuan Wai San, ceramah dan perbincangan teologi Buddhis MFLFK pula diadakan pada hari pertama (mengikut kalender Cina) bagi setiap bulan. Kehadiran ahli-ahli persatuan terhadap kelas Chanting ini adalah tidak begitu menggalakkan memandangkan kesibukan ahli-ahli persatuan yang rata-ratanya terdiri dari suri-suri rumah tangga dan ahli-ahli perniagaan.

Sebaliknya sambutan ahli-ahli persatuan terhadap aktiviti persatuan pada hari pertama (mengikut kalendar Cina ) adalah dikatakan menggalakkan.

Pada pertengahan tahun 1972, Persatuan Wai San telah melancarkan satu kempen derma untuk membantu penghuni Rumah Orang-Orang Tua Sikamat dan kepada mereka yang miskin. Sumbangan berbentuk kewangan dan bahan-bahan makanan seperti beras, Milo dan sebagainya telah dikutip daripada ahli-ahli persatuan dan telah diberikan kepada penghuni Rumah Orang-Orang Tua Sikamat pada hari Wesak. Pada tahun ini juga persatuan telah mewujudkan Dhamma Talk kepada ahli-ahli yang berminat untuk mempelajarinya. Masa yang ditetapkan untuk tujuan tersebut ialah pada hari Ahad. Ia dikendalikan oleh ahli-ahli Exco Persatuan. Chanting juga diberikan kepada ahli-ahli persatuan yang meninggal dunia atau kepada sesiapa yang memerlukannya. Chanting ini akan diadakan di tempat sifmati secara percuma.

Di mesyuarat Agung Persatuan di akhir tahun 1972, Ahli Jawatankuasa Persatuan yang baru telah menjemput Madam Teh Sou So sebagai Penasihat Kehormat Persatuan yang bertanggungjawab menasihati Persatuan Wai San didalam perlaksanaannya. Seorang Konsultant Undang-Undang juga telah diupah oleh persatuan untuk menguruskan segala urusan persatuan yang berkaitan dengan sistem perundangan.

Konsultant tersebut ialah Dato Wong Seng Chow (黃成周).

Di awal tahun 1973 pula, Persatuan Wai San mula memberikan sumbangan kewangan kepada CSK untuk Tabung Perubatannya, di mana rawatan perubatan diberikan oleh CSK kepada orangramai tanpa dikenakan sebarang bayaran. Memandangkan CSK dan Persatuan Wai San mempunyai matlamat yang hampir sama serta kekerapan persatuan ini menggunakan tempat CSK, maka sumbangan-sumbangan berbentuk kewangan telah diberikan kepada CSK untuk Tabung Perubatan serta Perayaan Ulangtahunnya. Boleh dikatakan bahawa tiada perbezaan matlamat di antara Persatuan Wai San dengan CSK. Lagipun didapati kebanyakkan ahli-ahli Persatuan Wai San adalah juga merupakan ahli-ahli CSK.

Sokongan Persatuan Wai San terhadap cawangan-cawangannya di Ipoh, Teluk Anson, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan Singapura juga wujud pada tahun ini di mana bantuan kewangan telah diberikan kepada cawangan-cawangan Persatuan Wai San ini. Perhubungan yang rapat di antara cawangan-cawangan Wai San juga wujud di mana ahli-ahli Persatuan Wai San Kuala Lumpur telah datang melawat Persatuan Wai San Negeri Sembilan pada 7hb Mei 1973. Bantuan tentang hal-hal keagamaan juga wujud pada tahun ini di mana seorang ahli Persatuan Wai San Ipoh telah datang ke sini untuk mengajar cara-cara untuk chanting.

Mulai tahun 1975, Persatuan Wai San telah menjemput orangramai tidak kira sama ada mereka ini terdiri daripada ahli persatuan Wai San ataupun tidak, untuk menghadiri Dhamma Talk yang diadakan pada hari Ahad. Pada masa ini juga seorang ahli persatuan yang mahir dalam chanting, telah pergi ke Port Dickson untuk mengajar cara-cara Chanting kepada mereka yang berminat mempelajarinya. Sebuah tape recorder juga telah dibeli oleh persatuan untuk kegunaan persatuan dalam hal-hal keagamaan.

Pada tahun 1976, Persatuan Wai San telah memperkenalkan uniform persatuan untuk ahli-ahli perempuan, yang akan dipakai semasa mangadakan Chanting atau upacara-upacara khas. Uniform ini diperkenalkan oleh persatuan bagi membentuk satu identiti persatuan. Walau bagaimanapun, ahli-ahli lelaki tidak diwajibkan memakai uniform ini. Pada tahun ini juga, persatuan telah mengambil inisiatif untuk mencetak kitab-kitab Buddha. Kitab-kitab ini terbahagi kepada dua bentuk; iaitu yang mempunyai saiz yang sama seperti sebuah buku latihan dan satu lagi ialah yang bersaiz kecil (2" X 3") di mana ia boleh dimasukkan kedalam poket. Persatuan pada tahun ini juga telah mengambil keputusan untuk menaikkan yuran bulanan ahli-ahli persatuan dari 50 sen kepada \$ 1.00 sebulan. Selain daripada itu, persatuan ini juga memutuskan supaya harta persatuan diamanahkan atas nama 3 orang ahli Exco persatuan iaitu Yuan Mei Ching (阮美卿),

Wong Yuet Kwai (黃月桂) dan Wong Yoke Ying yang merupakan Pengurus, Naib Pengurus dan Setiausaha persatuan ini.

Pada tahun 1977 pula, persatuan telah mewujudkan sebuah Biik Sumber Persatuan. Bilik ini mengandungi kitab-kitab Buddha MFLFK dan kaset-kaset teologi Buddha. Pada tahun 1979, seorang pegawai telah diambil oleh persatuan untuk menguruskan hal-hal pejabat. Ini adalah kerana banyak urusan pejabat yang perlu dilaksanakan seperti surat-menyurat dan sebagainya.

Sepanjang tahap ini, boleh dikatakan bahawa persatuan banyak memberi sumbangan kewangan kepada cawangan-cawangan Persatuan Wai San yang ditubuhkan di rantau ini. Melalui kerjasama dan semangat tolong-menolong ini Persatuan Wai San telah berkembang dengan pesatnya sehingga wujudnya 7 buah cawangan Persatuan Wai San di Semenanjung Malaysia dan Singapura. Selain daripada itu, sumbangan kewangan juga telah diberikan kepada orang ramai atau institusi-institusi lain. Servis Chanting juga diberikan kepada mereka yang meninggal dunia. Diantaranya, persatuan telah menderma \$1,000.00 kepada Rumah bersalin Orang Cina pada tahun 1978.<sup>21</sup> Segala usaha dan kegiatan persatuan di tahap ini telah diadakan di CSK.

### 3.3 Tahap 3 : 1980 - 1987

Pada tahun 1980, Persatuan Wai San telah membelanjakan lebih daripada \$ 2 ,000.00 untuk membuat pagar di sekitar bangunan persatuan. Sempena dengan hasrat persatuan untuk mengembangkan agama Buddha, persatuan telah merekodkan lebih banyak kitab-kitab lagi. Sementara itu bantuan kewangan juga telah dihulurkan kepada Persatuan Buddhis Malaysia, bahagian Negeri Sembilan untuk Tabung Pembinaan Tapak Persatuan. Walaupun persatuan Wai San tidak mempunyai sebarang kaitan dengan lain-lain persatuan Buddhis, namun Persatuan Wai San tetap memberikan sebarang sumbangan kepada lain-lain persatuan untuk mewujudkan suasana harmoni dan semangat tolong menolong antara satu sama lain.

Di sepanjang tempoh 1981 - 1983, tidak banyak perkara yang berubah kepada struktur fizikal persatuan. Walaupun persatuan mempunyai bangunannya di Jalan Sikamat tetapi segala kegiatan persatuan adalah di CSK kerana faktor geografinya di mana CSK merupakan sebuah tempat yang lebih sesuai dan senang untuk ahli-ahli persatuan menghadiri kegiatan persatuan yang dijalankan di CSK ini.

Pada tahun 1984, memandangkan masalah tempat persatuan yang jauh dari pusat bandar dan kesulitan

mendapatkan perkhidmatan perhubungan awam ke persatuan, maka 5 orang ahli Exco Persatuan telah dipertanggungjawabkan untuk berusaha mendapatkan sebidang tanah baru yang terletak di pusat bandar untuk mendirikan sebuah bangunan persatuan yang baru. Selaras dengan ini sebuah Tabung Pembinaan Bangunan Persatuan telah dibentuk. Tabung ini bermatlamat untuk mendapatkan \$ 300 ,000.00 dalam tempoh 3 tahun. Derma-derma telah dikutip dari ahli-ahli persatuan dan juga dari cawangan-cawangan Persatuan Wai San di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Johor dan Singapura.

Era 1985 merupakan satu era yang penting bagi Persatuan Wai San. Jangka waktu inilah bermulanya detik-detik permulaan persatuan ini di dalam mencapai hasrat untuk mendapatkan sebuah bangunan persatuan yang sesuai. Di awal tahun 1985, persatuan telah mengubah hasratnya untuk membina sebuah bangunan persatuan di pusat bandar. Ini disebabkan rasa bimbang akan wujud gangguan akibat aktiviti-aktiviti persatuan ke atas jiran-jirannya. Dengan perubahan rancangan ini maka akhirnya persatuan telah memperolehi sebuah tempat yang sesuai di Jalan Templer. Ia merupakan sebuah bangalow satu tingkat yang buruk dan tidak di diam oleh sesiapa. Lagipun tempat ini senang dikunjungi, di mana ia hanya memerlukan masa lebih kurang lima minit untuk sampai dari pusat bandar melalui bas awam. Dengan demikian, satu Jawatankuasa Pembinaan Bangunan Persatuan

dibentuk untuk menjalankan tugas-tugas membeli dan mendirikan bangunan persatuan di Jalan Tampler.

Akhirnya persatuan telah berjaya membeli bungalow itu dengan harga sebanyak \$ 125,000.00. Wang yang digunakan untuk membeli bungalow ini telah diperolehi daripada derma ahli-ahli persatuan, sokongan kewangan dari cawangan Persatuan Wai San yang lain, agihan sebanyak \$ 25,000.00 daripada Tabung Persatuan ke dalam Koperasi Gerakan Belia Bersatu sebagai Simpanan Tetap untuk mendapatkan kadar faedah yang tinggi dan hasil jualan tanah persatuan di Jalan Limbok. Untuk menggalakkan dan mendapatkan derma yang lebih banyak daripada orangramai, persatuan telah memutuskan bahawa mereka yang menderma melebihi \$ 50.00 pada satu kali, pihak persatuan akan mengukir namanya pada 'marble plate' yang terlekat pada dinding Dewan Beribadat persatuan.

Seterusnya pada pertengahan tahun 1885, persatuan telah menambahkan jumlah Ahli Jawatankuasa Pembinaan Bangunan Persatuan kepada 15 orang ahli. Perbincangan telah diadakan samada hendak memperbaiki bungalow itu atau mendirikannya semula dan soal memberi tender kepada Kontraktor - Kontraktor pembinaan. Akhirnya Ahli Jawatankuasa ini mencapai kata sepakat untuk memperbesar dan memperbaiki bungalow tersebut. Kontroktor yang diberi tugas di dalam pengubahsuaian ini ialah Syarikat Lee Yee Lim. Maka

tugas-tugas mula dijalankan dan sehingga bulan April 1986, kerja-kerja pengubahsuaihan ini sudah sampai kepada prosedur penghabisan. Bayaran untuk kerja-kerja pengubahsuaihan ini diperolehi oleh persatuan dengan menjual bangunan persatuan di Jalan Sikamat. Ini telah dilakukan pada pertengahan tahun 1986.

Sebelum memindahkan bangunan persatuan ke Jalan Templer ini, seorang penjaga wanita bernama Shi Yee (施易) telah diupah oleh persatuan untuk menjaga bangunan persatuan yang baru ini. Penukaran alamat bangunan persatuan di Jalan Sikamat ke No. 26, Dawn Estate, Jalan Tun Dr. Ismail, 70200 Seremban, Negeri Sembilan, telah didaftarkan pada 14hb November 1987. Pada masa yang sama juga Ahli Jawatankuasa Exco Persatuan juga telah memutuskan untuk menukar nama persatuan. Nama persatuan yang lama iaitu Wai San Hock Fat Pak Yip Negeri Sembilan, telah ditukarkan kepada Persatuan Wai San Kajian Ugama Buddha Negeri Sembilan dan ianya telah didaftarkan pada hari yang sama dengan masa penukaran alamat persatuan. Penukaran nama ini adalah untuk membolehkan orang ramai khasnya pihak-pihak yang berkenaan, mengenali objektif sebenar persatuan ini kerana objektif-objektifnya kurang difahami dengan nama persatuan yang diterjemahkan melalui sistem Hanyi Pinyin ini.

Pemindahan bangunan persatuan ke Jalan Tun Dr.

Ismail ini telah dilakukan dengan rasminya pada 17hb Disembar 1987. Ini termasuklah pemindahan patung-patung Buddha ke bangunan persatuan baru ini. Sebuah patung Buddha yang baru telah diperolehi oleh persatuan atas sumbangan ahli-ahli persatuan yang bernilai \$ 9,000.00. Perasmian bangunan persatuan ini dirayakan dengan menyediakan vegetables food kepada orang ramai.

Walaupun pada tahap ini dapat dilihat kesibukan persatuan menjalankan usaha -usaha mencari dan membina bangunan persatuan baru, namun kegiatan-kegiatan persatuan adalah tidak terjejas langsung. Kelas-kelas Chanting dan sumbangan kewangan kepada orang perseorangan atau badan-badan tetap dilakukan oleh persatuan. Dengan pemindahan bangunan persatuan ke Jalan Tun Dr. Ismail, maka berakhirlah penggunaan tempat CSK untuk menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan. Kini segala urusan persatuan dilaksanakan di bangunan baru ini.

#### 3.4 Tahap 4 : 1988 - 1990

Memandangkan kawasan dapur persatuan yang kurang luas, maka Ahli Jawatankuasa Pemindahan Bangunan Persatuan telah diberi peranan untuk meluaskan kawasan dapur ini pada 15hb Mei 1988. Perluasan kawasan dapur ini adalah perlu memandangkan kawasan dapur sekarang adalah sempit dan tidak

sesuai apabila persatuan mengadakan perayaan atau upacara-apacara Khas. Sebanyak \$ 18,000.00 telah dibelanjakan untuk tujuan perluasan ini. Selain daripada itu persatuan juga telah membelanjakan sebanyak \$2,580.00, untuk membaiki punca air di bangunan baru ini apabila masalah air sering timbul. Sebuah tangki air baru telah dibina untuk tujuan tersebut. Pada tahun ini juga kerja-kerja menyempurnakan bangunan ini telah dijalankan dimana longkang, kedudukan patung-patung Buddha, peti sejuk dan lantai di dapur telah dibaiki.

Pada akhir tahun 1988, persatuan sungguh bertuah kerana dua orang sami dari cawangan Persatuan Wai San Singapura telah memberikan sebuah patung Buddha yang besar kepada persatuan. Kehadiran patung Buddha ini telah disambut oleh persatuan dengan meriah. Ahli-ahli persatuan telah hadir untuk menyambut ketibaan patung Buddha ini. Satu jamuan kecil dengan vegetarian food juga dihidangkan. Kehadiran patung Buddha ini telah memeriahkan lagi suasana di persatuan. Ramai penganut Buddha yang datang ke persatuan ini sekarang seperti mana yang dapat diihat pada perayaan Hari Wesak. persatuan menjadi penuh sesak kerana dibanjiri oleh penganut-penganut Buddha yang datang dari seluruh pelusuk Negeri Sembilan.

Dengan perpindahan persatuan ke Jalan Tun Dr. Ismail, didapati aktiviti-aktiviti persatuan juga

menampakkan sedikit perubahan. Kini mulai bulan Oktober 1989, kelas-kelas chanting dan Dhamma talk akan diadakan pada setiap hari Ahad iaitu pukul 2.00 petang. Pada hari pertama (mengikut kalendar Cina) pada setiap bulan pula, Chanting akan dilakukan pada pukul 2.00 petang terhadap Amitabha Buddha. Sementara pada pertengahan bulan iaitu pada hari ke 15 (mengikut kalendar Cina), Chanting diadakan juga untuk Bodhisattva Avalotikesvara yang berpandukan pada teologi kitab MFLFK dan Pho Moon Pun (菩心經) iaitu siri yang ke dalam kitab MFLFK. Perayaan Hari Wesak disambut secara besar-besaran di mana Chanting di adakan di sebelah pagi dan diikuti dengan hidangan vegetarian food kepada orang ramai pada pukul 10.00 pagi hingga 2.00 petang.

Lawatan dan pemberian sumbangan kepada penghuni-penghuni Rumah Orang-Orang Tua Sikamat masih diadakan. Begitu juga sumbangan persatuan kepada CSK atas Tabung Perubatan dan sambutan Ulangtahun CSK. Servis Chanting kepada si mati masih dijalankan oleh persatuan dan perkhidmatan ini bertambah dari hari ke sehari. Pada masa ini, Persatuan mempunyai kitab Pho Moon Pun dengan terjemahan bahasa Inggeris berasaskan sistem Hanyi Pinyi di bawah tulisan-tulisan Cina kitab ini untuk memudahkan pemahaman mereka yang tidak fasih bahasa Cina. Usaha-usaha juga telah dilakukan untuk menterjemahkan seluruh kitab MFLFK yang mempunyai 24 siri ini.

Melihat kepada pencapaian-pencapaian Persatuan Wai San sehingga ke hari ini, persatuan ini telah berjaya mengukuhkan kedudukannya bukan sahaja di Negeri Sembilan tetapi juga hampir di seluruh Malaysia dan juga di Singapura; hasil penubuhan cawangan-cawangan Persatuan Wai San di tahun-tahun 1970an. Keupayaan dan kesungguhan ahli-ahli persatuan ini patut diberi sanjungan dan bolehlah dikatakan bahawa Persatuan Wai San merupakan di antara Persatuan Buddhis yang baru dan terpenting serta berpengaruh kepada masyarakat Buddhis di Negeri Sembilan khasnya dan di Malaysia amnya.

## **DISKRIPSI TENTANG PERSATUAN WAI SAN NEGERI SEMBILAN**

### **4.1 Pengenalan**

Persatuan Wai San Kajian Ugama Buddha Negeri Sembilan, merupakan di antara beberapa Persatuan Wai San yang ditubuhkan di Malaysia dan Singapura. Dari tujuh Persatuan Wai San yang terdapat di sini, Persatuan Wai San Negeri Sembilan adalah yang terawal ditubuhkan; yakni pada tahun 1970. Ini diikuti pula oleh persatuan-persatuan Wai San di Ipoh, Teluk Anson, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan Singapura. Nama persatuan ini, iaitu Wai San adalah merupakan nama kantonese yang bermaksud 'Pembentukan Semula'. Walaupun kesemua tujuh persatuan ini adalah sama, tetapi pentadbiran Persatuan Wai San ini adalah di bawah Ahli Jawatankuasa Persatuan masing-masing dan tidak adanya satu badan pusat yang menguruskan keseluruhan persatuan ini.

Umumnya mereka mempunyai matlamat yang sama dan masing-masing mempunyai cara tersendiri di dalam melaksanakan tugas dan kegiatan persatuan masing-masing. Walaupun persatuan-persatuan ini ditadbir oleh Ahli Jawatankuasa masing-masing, tetapi wujud juga perhubungan sesama mereka di dalam hal-hal keagamaan, di samping kunjungan ahli-ahli persatuan di antara satu sama lain dari

masa ke semasa.

Persatuan Wai San Kajian Ugama Buddha Negeri Sembilan terletak di luar kawasan bandar Seremban iaitu di No. 26, Dawn Estate, Jalan Tun Dr. Ismail, 70200 Seremban. Ia merupakan sebuah persatuan berdasarkan teologi Buddhis bermazhab Mahayana. Teologi Buddhis persatuan ini adalah berpandukan pada kitab Miew Fatt Lin Fah Keng. Kini Persatuan Wai San Negeri Sembilan berumur 20 tahun.

Bangunan persatuan ini merupakan sebuah bangalow lama satu tingkat lama yang telah diubahsuai. Ia mempunyai satu dewan beribadat iaitu Shrine Hall yang mempunyai dua patung Amithba Buddha. Dewan Beribadat ini digunakan untuk upacara chanting sempena Perayaan-perayaan khas seperti pada hari pertama dan hari kelima belas (mengikut kalender Cina). Di bahagian kiri Dewan Beribadat ini, terdapat satu ruang yang dipisahkan dengan dinding Dewan Beribadat. Ruang ini digunakan untuk mengadakan mesyuarat persatuan. Di samping itu, ruang ini juga digunakan untuk memberikan Dhamana Talk dan kelas-kelas chanting pada hari Ahad. Di sebelah kanan ruang ini, ditempatkan Patung Buddha yang didermakan oleh Madam Chew Beng Jin dahulu bersama-sama dengan dua patung Bodhisattva Avalokitesvara.

Pejabat persatuan, yakni satu tempat yang kecil terletak pada sebelah kanan Dewan Beribadat. Pejabat ini juga digunakan sebagai Bilik Sumber di mana terdapat satu almari besar yang memuatkan kitab-kitab persatuan di samping sebuah almari lain yang di dalamnya tersimpan kaset-kaset agama Buddha persatuan. Terdapat dua buah bilik pada bangunan persatuan ini. Sebuah bilik digunakan oleh penjaga persatuan ini dan sebuah lagi digunakan untuk kegunaan tetamu-tetamu persatuan yang datang melawat persatuan.

Dapur terletak di bahagian belakang Dewan Beribadat dan ia menghubungkan kawasan dapur baru yang digunakan untuk memasak vegetarian food pada Hari Wesak dan semasa kegiatan-kegiatan khas persatuan. Dewan makan yang baru juga didirikan di bahagian tepi bangunan bungalow ini iaitu di sebelah kanannya. Dewan makan ini digunakan semasa jamuan-jamuan ringan selepas kelas-kelas chanting dan ceramah serta perbincangan teologi Buddhis. Juga digunakan semasa hidangan vegetarian food pada hari Wesak. Ia juga dilengkapkan dengan sebuah bilik air dan tandas di tepi sebelah kanan dewan makan baru ini. Sebuah kawasan 'porch' kereta dibina di luar dewan beribadat (Shrine Hall) ini, di belakang bangunan persatuan dibina satu tangki air untuk kegunaan persatuan kerana masalah bekalan air yang dihadapi oleh persatuan. Di sekeliling Bangunan ini ditanami bunga-bunga dan pokok-pokok, tujuannya adalah untuk meletakkan

bunga-bunga tersebut pada tempat letaknya patung-patung Buddha. Pokok-pokok yang ditanam adalah bertujuan mencantikkan kawasan bangunan persatuan. (Sila lihat lampiran 1 untuk peta laka ringkas persatuan ini untuk memperolehi gambaran yang lebih jelas).

Merujuk kepada Konstitusi Persatuan Wai San Negeri Sembilan, adalah dinyatakan bahawa persatuan ini berasaskan kepada teologi Buddhis. Di antara matlamat-matlamat persatuan ini adalah seperti berikut:

- a) It serves to foster fellowship and goodwill among Buddhist followers (berkhidmat untuk memelihara persahabatan dan muhibbah di antara penganut-penganut Buddhis).
- b) To research on Buddhist theology (untuk mengkaji teologi Buddhis).
- c) To built temples and educational institutions (untuk membina tokong-tokong dan institusi-institusi pendidikan Buddhis).
- d) To manifest Buddhist theology (untuk menerangkan teologi Buddhis).
- e) To promote all matters pertaining to Buddhist religion and its reforms (untuk memperkenalkan semua perkara berkaitan kepada agama Buddha dan pembaharuan-pembaharunya).

f) To work for the welfare of the people (berusaha untuk kebajikan orang lain).

Persatuan ini kebanyakannya dikunjungi oleh kaum perempuan, terutamanya mereka yang sudah meningkat usia pertengahan tahun. Kebanyakannya daripada mereka adalah suri rumahtangga. Terdapat juga sebilangan kanak-kanak yang melawati persatuan ini. Mereka ini dibawa oleh ibu bapa ataupun nenek mereka.

#### **4.2 Pentadbiran**

Satu badan pentadbiran dibentuk oleh persatuan untuk melaksanakan pentadbiran persatuan. Badan pentadbiran ini mengandungi 19 orang ahli yang dilantik dalam satu pilihanraya persatuan pada setiap dua tahun sekali.

##### **4.2.1 Ahli Jawatankuasa Persatuan**

Ahli Jawatankuasa persatuan ini terdiri daripada portfolio-portofolio berikut:

**Pengerusi**

**Timbalan Pengerusi**

**Setiausaha**

**Penolong Setiausaha**

Bendahari

Kerani Surat Menyurat Cina

Kerani Surat Menyurat Inggeris

2 orang Juru Odit

2 orang pegawai perhubungan awam

8 orang Ahli Jawatankuasa Biasa

Di dalam Jawatankuasa ini seorang penasihat persatuan yang terdiri dari bekas pengurus akan dilantik. Selain daripada itu jawatankuasa ini juga dibantu oleh seorang penasihat undang-undang yang diupah oleh persatuan. Tugas penasihat undang-undang ini ialah menguruskan dan memberi nasihat atas segala urusan persatuan yang berkaitan dengan sistem perundangan. Jawatankuasa ini juga berkuasa memilih pemegang-pemegang amanah dan penaung-penaung untuk persatuan ini. Amnya keseluruhan pentadbiran persatuan dikendalikan oleh ahli jawatankuasa ini. Badan ini menggaji seorang 'caretaker' untuk menjaga kebersihan dan keselamatan persatuan. Berkenaan hal-hal pengurusan rasmi persatuan pula, ia dilaksanakan oleh setiausaha persatuan yang juga merangkap kerani persatuan ini.

Bidang kuasa dan fungsi yang tertakluk pada badan ini meliputi perlantikan ahli jawatankuasa untuk berbagai tugas di dalam pilihanraya persatuan, berfungsi mengumpulkan laporan tahunan dan penyata kira-kira tahunan

persatuan. Juga meluluskan pembayaran semasa yang tidak melebihi \$500.00 pada satu-satu masa. Ia juga merupakan badan tertinggi selepas pembubaran satu Mesyuarat Agung. Selain daripada itu, ia berhak melantik atau memecat pekerja-pekerja persatuan serta menentukan jumlah bayaran gaji mereka. Ia juga mengadakan pemilihan untuk tujuan memilih pengganti ahli jawatankuasa persatuan yang telah mengundur diri atau mereka yang telah dipecat dari jawatan mereka. Selain daripada itu, badan ini akan mengemukakan butir-butir bagi berbagai aktiviti persatuan. Akhirnya ia berfungsi melantik sami-sami Buddha sebagai pengajar di persatuan.

#### a) Pengerusi

Pengerusi akan berperanan mewakili persatuan dalam semua urusan luar persatuan. Beliau juga bertanggungjawab mengawasi perlaksanaan semua aktiviti Persatuan termasuk aktiviti dari berbagai seksi. Selain itu Pengerusi juga berperanan meluluskan semua resolusi-resolusi Persatuan. Ia juga akan menandatangani semua dokumen-dokumen bagi pihak persatuan dan bersama-sama dengan setiausaha dan bendahari menandatangani semua cek persatuan. Beliau juga bertanggungjawab mengadakan mesyuarat persatuan. Akhirnya tugas pengerusi adalah menentukan samada untuk meluluskan Perbelanjaan semasa yang tidak melebihi \$100.00 ataupun

tidak.

**b) Timbalan Pengerusi**

Tugas Timbalan Pengerusi adalah untuk membantu Pengerusi dalam menguruskan semua perkara persatuan. Selain dari itu beliau akan bertindak bagi pihak pengerusi atas bidang kuasa yang tertakluk pada pengerusi apabila ketiadaan Pengerusi.

**c) Setiausaha**

Tanggungjawab Setiausaha ialah menguruskan semua perkara yang diamanahkan oleh badan pentadbiran serta bersama-sama dengan pengerusi dan Bendahari menandatangani semua cek persatuan. Beliau juga berperanan memberi kata putus untuk meluluskan perbelanjaan semasa yang tidak melebihi \$50.00 pada satu masa.

**d) Bendahari**

Bendahari bertanggungjawab ke atas semua dokumen penting persatuan termasuk keselamatan kewangan persatuan, buku penyata akaun, resit dan baucer-baucer persatuan. Ia juga bertanggungjawab ke atas semua wang yang diterima dan yang dikeluarkan oleh persatuan ini. Untuk mana-mana wang

yang melebihi nilai \$100.00, bendahari mestilah memasukkan wang itu ke dalam bank dengan kelulusan dari badan pentadbiran dibawah nama persatuan. Beliau juga akan menandatangani semua cek persatuan bersama-sama dengan Pengurus dan Setiausaha. Akhirnya beliau akan menyediakan penyata akaun bulanan kepada badan pentadbiran dan menyediakan lapuran penyata akaun tahunan untuk maksud pembentangan semasa mesyuarat agung persatuan.

**e) Kerani Surat Menyurat Cina**

Beliau akan menguruskan semua dokumen Cina persatuan dan menjadi pencatit mesyuarat.

**f) Kerani Surat Menyurat Inggeris**

Beliau akan menguruskan semua dokumen Inggeris untuk persatuan.

**g) Juru Odit**

Tugasan juru odit adalah mengaudit semua akaun berkenaan pendapatan dan perbelanjaan persatuan, penyata akaun bulanan dan penyata Akaun Tahunan Persatuan. Tandatangan dari mana-mana salah seorang juruudit akan dianggap sah.

#### **h) Pengawai Perhubungan Awam**

Beliau akan mewakili persatuan dalam menguruskan semua perkara-perkara sosial yang dianjurkan oleh badan pentadbiran.

#### **i) Ahli Jawatankuasa Biasa**

Mereka ini akan memberikan cadangan-cadangan terhadap semua perkara yang berkaitan kepada kebaikan persatuan. Mereka ini juga akan bertindak membantu urusan berbagai seksi.

Jangkawaktu perjawatan ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan ini adalah selama 2 tahun. Mesyuarat Agung akan diadakan pada setiap bulan Januari, sesi baru dengan tujuan Pemilihan ahli Jawatankuasa baru. Ahli Jawatankuasa Persatuan lama juga adalah layak untuk dipilih semula untuk memegang jawatan pada sesi baru. (Sila rujuk lampiran 3 untuk meneliti struktur organisasi Persatuan Wai San Kajian Ugama Buddha Negeri Sembilan).

### **4.3 Mesyuarat**

Untuk maksud penyelarasaran tugas dan aktiviti-aktiviti persatuan, mesyuarat diadakan. Di dalam persatuan

ini terdapat 5 jenis mesyuarat yang diadakan. Di antara mesyuarat-mesyuarat ini adalah seperti berikut:

#### **4.3.1 Mesyuarat Agung Tahunan**

Mesyuarat ini akan diadakan setahun sekali dengan dipengerusikan oleh Pengurus persatuan. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk menerima penyata akaun tahunan persatuan. Badan pentadbiran akan menentukan tarikh, masa dan agenda-agenda mesyuarat ini. Notis pemberitahuan mesyuarat akan diagihkan kepada ahli-ahli persatuan melalui surat minggu sebelum mesyuarat. Untuk mengadakan satu mesyuarat, satu korum mestilah mengandungi sekurang-kurangnya 12 orang.

#### **4.3.2 Mesyuarat Agung Tergempar**

Mesyuarat ini akan diadakan sekiranya badan Pentadbiran atau Pengurus merasa patut diadakan satu mesyuarat tergempar, atas permintaan bersama yang ditulis oleh tidak kurang dari 12 orang ahli dengan menyatakan maksud memanggil mesyuarat tersebut. Maka Pengurus akan mengadakan mesyuarat tersebut sepetimana beliau mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan. Bagaimanapun, perbincangan di mesyuarat ini hanya tertakluk kepada agenda mesyuarat sahaja.

Sekiranya pengurus i gagal mengadakan mesyuarat tersebut dalam jangka masa 2 minggu daripada penerima tuntutan itu, maka pemohon tuntutan tersebut boleh mengadakan mesyuarat sedemikian, di mana mesyuarat itu bersamaan dengan yang diadakan oleh Pengurus i. Untuk Pengesahan mesyuarat, keseluruhan ahli kumpulan mestilah hadir pada mesyuarat Agung Tergempar. Sekiranya tiada korum (termasuk mereka yang membuat tuntutan) yang hadir selepas masa setengah jam yang ditentukan, maka mesyuarat itu akan dibatalkan tanpa menangguhkannya. Jumlah korum untuk mesyuarat ini mestilah sama seperti dengan mesyuarat Agung Tahunan.

#### **4.3.3 Mesyuarat Bulanan Ahli Jawatankuasa Persatuan**

Mesyuarat ini diadakan sekali dalam sebulan. Mesyuarat ini akan dipanggil oleh Pengurus i dan mestilah dihadiri oleh 7 orang untuk diperlembagakan. Notis Pemberitahuan mesyuarat ini mestilah diberi 3 hari sebelum tarikh mesyuarat.

#### **4.3.4 Mesyuarat Tergempar Ahli Jawatankuasa Persatuan**

Sekiranya terdapat hal-hal yang penting yang perlu diselesaikan segera, Pengurus i akan memanggil satu mesyuarat tergempar. Bentuk dan bilangan ahli yang

diperlukan adalah sama dengan mesyuarat bulanan ahli Jawatankuasa Persatuan.

#### **4.3.5 Mesyuarat Projek Ahli Jawatankuasa Persatuan**

Mesyuarat ini dihadiri oleh ahli-ahli persatuan yang diberi tugas melaksanakan sesuatu projek. Pengurus projek akan memanggil mesyuarat ini dari masa ke semasa untuk pengendalian projek tersebut.

#### **4.4 Keahlian**

Menurut Perlembagaan Persatuan Wai San Negeri Sembilan, tidak ada had bilangan ahli dalam menganggotai persatuan ini. Sesiapa saja tanpa mengira kaum, jantina dan umur boleh memohon menjadi ahli persatuan mengikut prosedur-prosedur persatuan. Bagaimanapun seseorang itu hendaklah seorang yang mempunyai sifat yang baik, mengikuti agama Buddha dan perlembagaan persatuan.

Aturan untuk menjadi ahli persatuan ini ialah; pada permulaannya si pemohon mestilah mengisi dan menandatangani borang keahlian, dengan dicadangkan oleh seorang ahli persatuan dan disokong oleh seorang lagi ahli persatuan. Pemohonan ini kemudiannya akan diluluskan oleh badan pentadbiran. Selepas pembayaran yuran kemasukkan dan

yuran tahunan keahlian persatuan, ia akan didaftarkan sebagai ahli persatuan. Pemilihan keahlian akan ditentukan dengan cara melemparkan 'beads'\*. Sekiranya terdapat 2 beads hitam maka pemohonan itu akan ditolak. Sekiranya terdapat satu beads hitam, si pemohon akan diletakkan dalam satu tempoh percubaan. Hanya selepas menganggotai persatuan itu selepas 6 bulan barulah ahli itu boleh memperolehi hak untuk dipilih memegang jawatan dalam persatuan.

Sesiapa sahaja yang telah melanggar mana-mana kesalahan yang dinyatakan di bawah, kesalahannya akan dirujuk pada mesyuarat ahli Jawatankuasa Persatuan. Kesalahan-kesalahan kecil akan diuruskan dengan memberi surat amaran kepada si pesalah atau ia akan diprotes (remonstratal) oleh seorang ahli persatuan. Kesalahan besar pula akan diuruskan dengan melucutkan keahliannya. Dalam kes ini, sebarang derma yang diberikan oleh si pesalah itu tidak akan dibayar balik. Hak dan keistimewaananya dalam persatuan juga akan dibatalkan. Si Pesalah itu tidak berhak untuk menuntut sebarang kerugian dan kerosakan dari persatuan.

---

\* Beads adalah dua keping kayu yang berbentuk bujur pada satu belah sementara sebelah lagi mempunyai bentuk datar. Di permukaan datar kayu ini akan diwarnakan dengan warna putih sementara permukaan bujur itu akan diwarnakan dengan warna hitam.

Sesiapa yang mengundur diri dari persatuan juga akan dilayan dengan sedemikian rupa. Kesalahan-kesalahan yang dilarang oleh persatuan adalah seperti berikut:

- i) Mereka yang tidak patuh kepada perlembagaan persatuan.
- ii) Mereka yang merosakan reputasi persatuan.
- iii) Mereka yang menunggakkan yuran tahunan keahlian persatuan yang melebihi setahun dan tidak menjelaskannya walaupun diberi peringatan bertulis untuk berbuat demikian.

Keahlian persatuan ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu ahli seumur hidup dan ahli biasa.

#### **4.4.1 Ahli Seumur Hidup**

Mereka yang membayar \$100.00 dan lebih kepada persatuan dalam satu kali sebagai yuran persatuan akan menjadi ahli seumur hidup. Mereka ini tidak perlu lagi membayar apa-apa yuran keahlian tahunan persatuan lagi selepas ini.

#### **4.4.2 Ahli Biasa**

Mereka ini akan membayar sebanyak \$5.00 sebagai

yuran kemasukan persatuan dan sebanyak \$6.00 untuk yuran keahlian tahunan pada tahun pertama semasa pendaftaran. Ini akan membolehkan mereka menjadi ahli biasa. Mereka kemudiannya akan membayar yuran tahunan sebanyak \$6.00 pada setiap tahun ; secara sekali pembayaran ataupun dibahagikan kepada dua kali pembayaran. Sebarang pertambahan atau pengurangan jumlah wang kemasukan ataupun yuran tahunan pada masa depan mestilah diluluskan di Mesyuarat Agung sebelum ia dilaksanakan.

Seseorang yang telah diterima menjadi ahli kepada persatuan Wai San berhak menggunakan semua kemudahan yang terdapat pada peratuan persatuan dengan syarat beliau sentiasa mengikuti peraturan-peraturan yang terdapat di persatuan ini.

#### 4.5 Kewangan

Sumber kewangan utama persatuan ini secara amnya diperolehi dari yuran keahlian persatuan. Bagaimanapun sekiranya persatuan kekurangan kewangan ataupun memerlukan derma untuk tujuan-tujuan tertentu, maka derma-derma secara sukarela akan diperolehi dari ahli-ahli ataupun organisasi lain. Untuk ini persatuan terlebih dahulu mestilah mendapatkan kelulusan di Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Persatuan. Untuk maksud ini sebuah Tabung Derma Khas akan

dibentuk. Ia dikendalikan oleh satu ahli jawatankuasa kecil yang dipilih dalam satu mesyuarat umum ataupun mesyuarat tergempak.

Perbelanjaan utama persatuan ini pula ialah pembiayaan elauan pegawai-pegawai persatuan, perbelanjaan am, perbelanjaan sosial, bil air dan elektrik, perbelanjaan keagamaan dan 'maintenance' persatuan. (Sila lihat lampiran 2 untuk meneliti akaun pendapatan dan perbelanjaan serta penyata akaun tahunan persatuan ini untuk tahun 1987 untuk keterangan lebih lanjut).

## AKTIVITI-AKTIVITI SEMASA PERSATUAN WAI SAN NEGERI SEMBILAN

Aktiviti-aktiviti semasa persatuan ini adalah berdasarkan kepada objektif-objektif yang menitikberatkan Teologi Buddhis serta perkembangannya, sosialisasi di antara penganut-penganut Buddha serta berusaha untuk kebajikan orang ramai. Selaras dengan ini kegiatan-kegiatannya berunsurkan kepada aspek agama dan sosial. Aktiviti-aktiviti persatuan ini adalah seperti berikut:

- i) Perayaan Hari Wesak
- ii) Kelas Chanting
- iii) Ceramah dan perbincangan teologi Buddhis
- iv) Upacara-upacara Sembahyang (servis)
- v) Aktiviti-aktiviti Dakwah
- vi) Lawatan-lawatan
- vii) Perjumpaan-perjumpaan sosial
- viii) Kegiatan-kegiatan Kebajikan

### 5.1 Perayaan Hari Wesak

Perayaan Hari Wesak merupakan perayaan tahunan utama persatuan. Malah ia adalah satu-satunya perayaan yang diraikan oleh persatuan ini. Sebelum perayaan ini dijalankan

satu mesyuarat Ahli Jawatankuasa Persatuan akan diadakan untuk membincangkan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan untuk menyenaraikan tanggungjawab dan aturcara-atucara perayaan.

Satu Jawatankuasa Ad-Hoc akan ditubuhkan yang mana ia terdiri dari kebanyakan ahli jawatankuasa persatuan dan ahli-ahli biasa. Selepas itu, derma-derma akan mula dikutip dari ahli-ahli persatuan yang berbentuk bahan-bahan makanan seperti minyak masak, tepung, beras dan sebagainya. Bahan-bahan masakan ini akan digunakan untuk memasak Vegetarian Food pada hari tersebut. Selain dari itu derma yang berbentuk tunai juga akan diterima oleh persatuan. Derma tunai ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu derma yang dikutip bagi maksud kegunaan perbelanjaan perayaan Hari Wesak dan derma yang diperolehi untuk didermakan kepada penghuni Rumah Orang-Orang Tua Sikamat, Seremban.

Bagi mereka yang menderma wang tunai kepada persatuan untuk dua tujuan ini, resit persatuan yang bersertakan cop persatuan akan diberikan kepada penderma tersebut. Sekeping kertas merah besar yang di atasnya tertulis nama penderma berserta dengan jumlah dan jenis derma akan dilekatkan pada dinding Dewan Beribadat persatuan untuk makluman orang ramai. Sekeping kertas merah lagi juga akan dilekatkan bersebelahan dengan kertas merah tadi dengan

tercatit nama dan kandungan derma yang diberikan kepada penghuni Rumah Orang-Orang Tua Sikamat. Kedua kertas merah ini akan dilekatkan di dinding Dewan Beribadat ini sehingga ia ditukarkan dengan senarai penderma yang lain pada tahun hadapan.

Perayaan ini dimulakan pada hari Wesak iaitu di sebelah pagi di mana satu upacara sembahyang diadakan di Dewan Beribadat persatuan pada pukul 9.00 pagi. Upacara sembahyang yang diketuai oleh ahli-ahli jawatankuasa pusat persatuan dan disertai oleh ahli-ahli persatuan, juga orangramai merupakan perlafazan Kitab Miew Fatt Lin Fah Keng dalam bahasa Kantonese. Ramai penganut Buddha baik yang terdiri dari ahli-ahli persatuan ataupun bukan ahli, mengambil kesempatan ini dengan datang beramai-ramai ke persatuan untuk melakukan sembahyang sempena hari yang mulia ini. Mereka ini ada yang datang secara perseorangan dan ada pula yang membawa seluruh isi keluarga. Selain dari datang bersembahyang, mereka juga turut menyumbangkan derma kepada persatuan untuk tujuan Tabung Kewangan Persatuan atau untuk didermakan kepada Rumah Orang-Orang Tua Sikamat.

Ini akan diikuti dengan hidangan Vegetarian Food yang disediakan oleh ahli-ahli persatuan. Pengunjung-pengunjung yang datang melawat persatuan pada pagi tersebut akan dijamu dengan masakan yang enak ini. Persediaan masakan

ini dilakukan oleh ahli-ahli persatuan pada awal pagi lagi, di mana sayur-sayuran dan bahan makanan yang lain disediakan untuk dimasak. Seterusnya masakan akan dilakukan oleh Ahli Jawatankuasa Ad Hoc yang bertanggungjawab ke atas makanan. Hidangan Vegetarian Food ini akan diadakan di antara pukul 10.00 pagi hingga ke pukul 2.00 petang.

Makanan Vegetarian ini diadakan di Dewan Makan Baru persatuan. Makanan ini disukai ramai, di mana bukan sahaja kelazatannya tetapi juga kerana makanan ini menandakan kesucian kepada sesiapa yang memakannya atas alasan makanan ini tidak mengandungi sebarang daging. Untuk tujuan Vegetarian Food ini, pada tahun 1888 seramai lebih dari 80 meja yang memuatkan seramai 10 orang pada satu meja telah disediakan oleh persatuan bagi menampung pengunjung-pengunjung yang datang menikmati masakan ini bersama-sama dengan ahli-ahli keluarga mereka.

Sempena dengan perayaan ini, persatuan juga akan mengadakan pemberian bantuan dan derma kepada penghuni Rumah Orang-Orang Tua Sikamat. Ini juga merupakan amalan persatuan pada setiap tahun. Setelah memperolehi derma-derma yang dikutip dari ahli-ahli persatuan dan orang ramai, ahli-ahli persatuan akan berangkat ke institusi ini untuk memberikan derma-derma tersebut. Jenis derma serta bilangan derma ini adalah tidak tetap pada setiap tahun. Ia bergantung kepada

jenis derma yang diperolehi dan bilangan penghuni yang terdapat di institusi tersebut yang akan menerimanya. Biasanya derma-derma ini berbentuk Ang Pow dan hampers yang berisi makanan seperti biskut, susu dan bahan makanan lain. Selain dari itu, persatuan juga pernah menghadiahkan 2 buah radio kepada institusi ini pada tahun 1982.<sup>22</sup>

## 5.2 Kelas Chanting

Ini merupakan latihan upacara sembahyang yang diadakan pada setiap hari Ahad pukul 2.00 petang. Jangkamasa latihan ini adalah lebih kurang satu setengah jam. Latihan ini diadakan pada sebuah meja panjang yang diatur di bahagian Tepi bangunan persatuan. Kelas Chanting ini merupakan satu latihan untuk ahli-ahli persatuan mempelajari cara-cara serta teknik-teknik semasa menjalankan sesuatu upacara chanting. Selain daripada itu kelas chanting ini juga akan membolehkan ahli-ahli persatuan, memahirkan diri dalam menjalankan serta mengendalikan upacara-upacara sembahyang, baik secara kumpulan ataupun secara individu. Kelas-kelas Chanting ini disertai oleh ahli-ahli persatuan sahaja dan jenis pakaian untuk ahli yang mengikuti aktiviti ini adalah bebas.

Di akhir kelas ini, satu jamuan kecil yang mengandungi kuih-muih dan mee hon tanpa daging yang

disumbangkan oleh ahli-ahli persatuan diadakan. Kopi juga disediakan di sepanjang perjalanan kelas ini, buat minuman ahli-ahli yang gemarkannya. Pada masa jamuan ini ahli-ahli akan berinteraksi sesama sendiri sambil menikmati jamuan ini.

### 5.3 Ceramah dan Perbincangan Teologi Buddhis

Ceramah dan perbincangan teologi Buddhis ini diadakan pada setiap hari Ahad iaitu sejurus selepas kelas Chanting. Kegiatan ini bertujuan untuk memberi pemahaman dan penerangan tentang teologi-teologi Buddhis. Ia dikendalikan oleh Setiausaha persatuan iaitu Wong Yoke Ying. Beliau bolehlah dikatakan sebagai salah seorang ahli yang teraktif dan berpengaruh sekali. Beliau sering berulang alik ke Hong Kong untuk memperdalamkan pengetahuan agama Buddha di bawah Sami Wai Ying (慈望) di Miao Fa.

Di samping menerangkan teologi Buddhis ini secara lisan, Wong Yoke Ying juga akan menerangkan maksud sesuatu ayat kitab itu di atas papan tulis dengan menuliskan ayat itu di papan tersebut. Perbincangan dan ceramah ini adalah secara bersiri di mana ia di sambung dari satu minggu ke minggu yang lain. Aktiviti ini hanya akan dibatalkan pada hari yang tertentu sahaja, apabila Wong Yoke Ying tidak dapat menghadirkan diri pada hari itu, atas urusan lain

yang perlu dilaksanakan olehnya. Aktiviti ini akan berakhir lebih kurang pada pukul 5.00 petang. Melalui perbincangan dan ceramah ini maka ahli-ahli persatuan dapat memahami teologi Buddhis Miew Fatt Lin Fah Keng dengan lebih jelas lagi, atas usaha Wong Yoke Ying yang begitu menarik dan jelas cara pengolahannya.

#### 5.4 Upacara-Upacara Sembahyang ( Servis )

Upacara-upacara Sembahyang atau Servis diadakan pada hari pertama dan pada hari ke 15 (mengikut kalendar Cina) setiap bulan. Ia diadakan di Dewan Beribadat persatuan. Masa aktiviti ini dijalankan adalah di antara pukul 2.00 petang hingga ke pukul 4.00 petang. Servis ini mengandungi perlafazan sutra-sutra Miew Fatt Lin Fah Keng dalam bahasa Kantonese, untuk Amitabha Buddha pada hari pertama dan untuk Bodhisattva Avalotikesvara pada hari yang ke 15 (mengikut kalendar Cina). Bezanya kedua-dua servis ini ialah servis pada hari pertama mengandungi perlafazan seluruh kitab Miew Fatt Lin Fah Keng, sementara pada hari ke 15 pula servis ini lebih menumpukan kepada bab 22 kitab Miew Fatt Lin Fah Keng ini iaitu bertajuk Pho Moon Pun.

Upacara-upacara ini disertai oleh ahli-ahli persatuan dan juga orang ramai yang bukan terdiri daripada ahli persatuan ini. Jamuan kecil yang berupa kuih muih juga

disediakan untuk mereka yang menghadiri upacara-upacara ini iaitu selepas upacara servis.

Selain dari servis yang diadakan di Dewan Beribadat persatuan, Persatuan Wai San juga mengendalikan upacara-upacara servis apabila berlaku kematian pada ahli-ahli persatuan. Upacara ini dijalankan di tempat si mati. Didalam servis ini ahli-ahli persatuan yang menghadiri servis ini akan memakai pakaian seragam persatuan.

Servis ini juga diberikan kepada sesiapa yang memerlukannya. Untuk tujuan ini persatuan tidak mengenakan sebarang bayaran kepada pihak yang meminta servis, kerana ia merupakan satu khidmat amal bakti persatuan kepada masyarakat. Jumlah bilangan ahli-ahli persatuan yang menghadiri servis ini bergantung kepada faktor kesesuaian masa ahli-ahli persatuan dan jarak tempat itu. Jika servis itu diadakan pada masa yang sesuai dengan ahli-ahli dan tempatnya adalah tidak jauh dari tempat tinggal ahli-ahli persatuan maka ramailah ahli yang akan menghadiri servis itu. Biasanya jumlah anggota ahli persatuan yang menghadiri servis ini adalah sekurang-kurangnya 10 orang.

#### **5.5 Aktiviti-Aktiviti Dakwah**

Untuk tujuan memperkenalkan perkara-perkara

berkenaan dengan teologi Buddhis, persatuan telah mengambil beberapa langkah untuk melaksanakan objektif ini. Selain daripada Kelas Chanting yang diadakan di persatuan pada setiap minggu, persatuan juga berusaha memberi tunjuk ajar serta latihan-latihan Chanting kepada penganut Buddha di tempat-tempat lain, seperti yang dilakukan oleh persatuan di Port Dickson pada akhir tahun 1975 di mana seorang ahli persatuan telah dihantar ke sana untuk memberi kelas chanting kepada penganut Buddha di sana.

Usaha-usaha lain juga dibuat oleh persatuan bagi memperkembangkan agama ini di mana kitab-kitab Buddha di cetak dan diedarkan oleh persatuan kepada orang ramai. Terdapat dua bentuk kitab yang di cetak oleh persatuan iaitu yang bersaiz kecil dengan ukuran 2" X 3" bagi memudahkannya di bawa kemana-mana dan saiz kitab yang biasa (7" X 10"). Penerbitan kitab ini membolehkan penganut-penganut Buddha memiliki kitab-kitab ini dan dapat digunakan semasa mereka berada di rumah masing-masing.

Selain daripada itu, persatuan juga telah menterjemahkan Kitab Pho Moon Pun dengan sistem Hanyi Pinyi ke dalam bahasa Inggeris. Terjemahan yang dibuat di Ipoh ini akan membolehkan penganut-penganut Buddha yang tidak memahami bahasa Cina, mengerti isi kandungan kitab ini dengan adanya sistem terjemahan Hanyi Pinyi ini.

Aktiviti-aktiviti dakwah juga dilakukan dengan merekodkan kitab dan teologi Buddhis ke dalam kaset-kaset. Kaset-kaset dihantar ke Miao Fa, Hong Kong dan ke cawangan Persatuan Wai San Ipoh untuk direkodkan. Kaset-kaset yang selesai direkod akan dihantar balik ke persatuan dan di sini, persatuan akan merakamkannya ke kaset yang lain untuk diedarkan kepada orang ramai. Dengan ini penganut-penganut Buddha akan dapat mempelajari agama ini di rumah masing-masing dengan adanya kaset-kaset ini.

## 5.6 Lawatan-Lawatan

Ini merupakan satu kegiatan yang bertujuan menggalakkan 'fellowship' di antara ahli-ahli persatuan, di mana jarang terdapat semua ahli-ahli persatuan berkumpul pada satu masa. Ia juga dapat mewujudkan semangat persahabatan dan muhibbah sesama ahli-ahli Persatuan Wai San khususnya dan ahli-ahli persatuan Buddhis yang lain amnya.

Di dalam lawatan-lawatan ini selain dapat bertukar-tukar fikiran di antara satu sama lain dalam situasi yang lebih menyenangkan dan menyeronokan, ahli-ahli persatuan juga dapat mempelajari hal-hal keagamaan dari pihak yang lain yang lebih arif. Ini dilakukan oleh persatuan dengan mengadakan lawatan-lawatan ke cawangan-cawangan persatuan Wai San yang lain dari semasa ke semasa.

### **5.7 Perjumpaan-Perjumpaan Sosial**

Ini juga merupakan satu aktiviti yang terdapat di persatuan ini. Tujuan aktiviti ini diadakan ialah untuk menggalakkan 'fellowship' di antara satu sama lain. Bagi persatuan ini, perjumpaan-perjumpaan sosial ini dilakukan pada perayaan Ulangtahun CSK. Memandangkan Persatuan Wai San dengan CSK masing-masing mempunyai matlamat yang lebh kurang sama serta pertalian erat yang wujud di antara satu sama lain maka pada setiap tahun, persatuan akan turut bersama-sama CSK merayakan ulangtahun ini. Di sini ahli-ahli persatuan akan berinteraksi di antara satu sama lain.

Selain daripada itu persatuan juga mengadakan perjumpaan-perjumpaan sosial lain seperti yang dibuatnya pada 13 hb Ogos 1988, iaitu dengan mengadakan Pesta Malam Tanglung.<sup>23</sup> Selain daripada mewujudkan interaksi sosial, perjumpaan ini juga bermatlamat mengutip derma bagi menambahkan tabung kewangan persatuan.

### **5.8 Kegiatan-kegiatan Kebajikan**

Dari analisa pengkaji, di dapati persatuan ini sangat mementingkan kebajikan mereka yang kurang bernasib baik. Pada setiap tahun persatuan melakukan berbagai kebajikan dengan memberi bantuan kewangan, khidmat servis

serta pemberian barang kepada mereka yang malang. Ini adalah selaras dengan objektif persatuan yang terakhir iaitu berusaha untuk kebajikan orang ramai.

Untuk itu, pada setiap tahun persatuan akan memberikan bantuan kewangan kepada tabung perubatan CSK, yang menawarkan rawatan perubatan tradisional Cina kepada orang ramai dengan kadar \$1.00 sekali rawatan. Jumlah wang yang diberikan kepada tabung ini adalah tidak tetap dan ia bergantung kepada kelulusan mesyuarat persatuan mengenai jumlah yang akan diberikan oleh persatuan pada tahun tersebut. Selain dari membantu membiayai Tabung Perubatan, persatuan juga memberikan wang kepada CSK sempena dengan perayaan ulang-tahunnya.

Satu lagi kegiatan kebajikan tahunan persatuan ini ialah sumbangannya kepada penghuni Rumah Orang-Orang Tua Sikamat. Pada setiap tahun sempena dengan Perayaan Hari Wesak, persatuan akan memberi Ang Pow kepada penghuni di institusi ini. Persatuan memilih institusi ini untuk memberikan sumbangannya setiap tahun, adalah kerana institusi ini sangat-sangat memerlukan pertolongan dari pihak luar untuk perlaksanaan perjalanan institusi ini. Jumlah nilai dan bilangan penghuni yang akan menerima sumbangan dari persatuan ini adalah tidak tetap dari setahun ke setahun. Ia tertakluk kepada jumlah penghuni yang

terdapat di institusi pada tahun itu.

Selain dari sumbangan tahunan persatuan, sumbangan berbentuk kewangan juga diberikan kepada persatuan-persatuan Cina yang lain, khasnya Persatuan Buddhis sempena dengan perasmian persatuan tersebut atau atas permintaan dari satu-satu persatuan itu. Selain dari itu, persatuan juga menolong mereka yang tidak mampu menguruskan kematian seseorang anggota keluarga di mana bukan sahaja wang diberi untuk membeli keranda malah pihak persatuan juga turut memberikan servis kepada si mati tersebut. Kesemua sumbangan ini dilakukan oleh persatuan dengan rasa ikhlas tanpa mengharapkan sebarang penghargaan ataupun balasan.

Kebanyakan daripada kegiatan yang dinyatakan di atas adalah merupakan di antara objektif-objektif persatuan. Banyak lagi kegiatan yang dijalankan oleh persatuan secara spontan apabila sesuatu hal itu dirasakan perlu dan bersesuaian pada masa itu. Ini termasuklah pertolongan yang diberikan oleh persatuan terhadap malapetaka yang menimpa sesebuah kawasan seperti kebakaran yang berlaku di Naning, bantuan kewangan kepada kanak-kanak yang mengidap penyakit jantung berlubang dan sebagainya. Walau bagaimanapun, apa saja kegiatan yang dilakukan oleh persatuan ini, ia pasti akan disertai oleh ahli-ahli persatuan dengan penuh komitmen

dan mesra tanpa sebarang diskriminasi terhadap mana-mana pihak.

## BEBERAPA ASPEK POLITIK, EKONOMI DAN SOSIAL PENGANUT-PENGANUT BUDDHA PERSATUAN WAI SAN NEGERI SEMBILAN

### 6.1 Populasi

Melihat kepada aspek populasi Persatuan Wai San Negeri Sembilan dengan berpandukan kepada Rajah 6.2 di bawah, di sepanjang sejarah penubuhan persatuan iaitu dari tahun 1970 hingga ke tahun 1988, pengkaji mendapati jurang perbezaan bilangan keahlian dalam jangkamasa 2 tahun adalah tidak besar iaitu ia tidak melebihi 10% kecuali pada tahun 1988 di mana bilangan keahlian pesatuan ini telah meningkat kepada 18.51%.

Semenjak persatuan ini di daftarkan pada tahun 1970, bilangan ahlinya adalah seramai 550 orang. Jumlah keahlian persatuan ini telah meningkat sebanyak 9.45% dua tahun kemudiannya di mana jumlah keahliannya bertambah menjadi 602 orang. Pada tahun 1974 pula bilangan keahlian ini telah menurun sebanyak 0.33% menjadikan bilangan kahlian persatuan seramai 600 orang. Keadaan yang sebaliknya pula berlaku pada tahun 1976 di mana terdapatnya pertambahan keahlian seramai 40 orang yakni pertambahan sebanyak 6.67% menjadikan jumlah keahlian persatuan ini 640 orang. Keadaan

peningkatan ini berterusan di mana pada tahun 1978 jumlah keahlian persatuan telah bertambah sebanyak 3.12% menjadikan jumlah keahliannya seramai 680 orang.

Menjelang tahun 1980 pula, sekali lagi keadaan ini berubah di mana jumlah keahlian persatuan yang di daftarkan telah berkurangan sebanyak 1.82% dengan bilangan keahliannya seramai 648 orang. Pada tahun 1982 pula jumlah keahlian persatuan ini telah meningkat semula ke angka 691 orang yang membawa kepada peningkatan peratusan sebanyak 6.64%. Seterusnya pada tahun 1984, bilangan keahlian ini telah berkurangan sekali lagi di mana angka ini telah jatuh kepada angka 680 orang iaitu penurunan sebanyak 1.59%. Pada tahun 1986 pula, Persatuan Wai San hanya mempunyai pertambahan bilangan keahlian yang sedikit sahaja iaitu sebanyak 0.88% di mana jumlahnya bertambah seramai 686 orang. Dalam tahun 1988 pula, di dapati Persatuan Wai San Negeri Sembilan telah mengalami satu peningkatan keahlian yang terbesar di sepanjang penubuhan persatuan ini di mana peratusan peningkatan keahliannya telah meningkat ke angka 18.51% iaitu pertambahan keahlian ke jumlah 813 orang. ( sila rujuk Rajah 6.2 di bawah untuk mendapat gambaran yang lebih jelas. )

Penurunan bilangan keahlian Persatuan Wai San Negeri Sembilan adalah disebabkan oleh faktor kematian ahli-

ahli persatuan tersebut. Merujuk kepada Laporan Minit Mesyuarat Persatuan Wai San, pengurangan bilangan keahlian persatuan adalah disebabkan oleh kematian seseorang ahli persatuan. Kebanyakan ahli yang menganggotai persatuan terdiri daripada mereka yang sudah berumur yakni mereka yang sudah menjangkau usia 65 tahun ke atas. Terdapat juga ahli-ahli persatuan yang tidak mendaftarkan diri semula pada sesi yang baru di mana mereka ini sudah berpindah ke tempat yang lain. Ada pula ahli yang mendapat kerja baru di mana mereka tidak mempunyai masa lagi untuk bersama-sama dalam menyertai aktiviti persatuan.<sup>24</sup> Perkara ini adalah merupakan sebab-sebab kepada jawapan penurunan bilangan biangan keahlian persatuan Wai San Negeri Sembilan.

Pertambahan bilangan keahlian dalam prsatuan ini khususnya selapas tahun 1986 iaitu di akhir tahun 1987, adalah disebabkan persatuan ini sudah mendapat tempat yang tetap yakni di Jalan Tun Dr. Ismail, Templer. Dengan lokasi persatuan yang lebih strategik ini, maka ramai penganut-penganut Buddha dapat datang ke persatuan ini dengan mudahnya. Dengan ini persatuan telah dapat menerima lebih ramai ahli persatuan ini.

Penganut-penganut agama Buddha yang menganggotai persatuan ini rata-ratanya adalah masyarakat Cina yang terdiri dari berbagai dialek pertuturan. Ini adalah kerana

persatuan ini bukan terdiri daripada persatuan yang berasaskan kepada kumpulan dialek, tetapi berasaskan kepada kepentingan bersama iaitu kepentingan agama Buddha. Maka pengkaji mendapati bahawa ahli-ahli persatuan ini terdiri daripada mereka yang bertutur dalam dialek Hakka, Kantonese, Mandarin, Hokkien, Hailam dan sebagainya.<sup>25</sup> Namun begitu semasa aktiviti-aktiviti persatuan dijalankan, hanya satu jenis dialek yang digunakan oleh semua ahli persatuan ini iaitu dialek Kantonese. ( Ini akan diterangkan dengan lebih lanjut lagi dalam bahagian bahasa komunikasi. )

Satu sifat jelas yang dapat diperhatikan dalam persatuan ini ialah penglibatan kaum wanita yang lebih ramai berbanding dengan kaum lelaki. Hampir keseluruhan ahli-ahli persatuan ini yang menganggotai aktiviti-aktiviti persatuan dan perlaksanaan pentadbiran persatuan merupakan wanita. Malah ahli jawatankuasa pusat persatuan ini dimonopoli oleh kaum wanita di mana Pengerusi persatuan disandang oleh Lim Soh Kwai, Naib Pengerusi di duduki oleh Wong Yoot Kwai, sementara Setiausaha persatuan ini ialah Wong Yoke Ying dan pembantunya adalah Cheng Pit Wah dan jawatan Bendahari dipegang oleh Soo Keow ( sila lihat lampiran 3 untuk senarai nama pemegang jawatan Persatuan Wai San Negeri Sembilan bagi tahun 1988 dan 1989 untuk mengetahui butir-butir yang lebih mendalam. )

Kurangnya penglibatan urusan persatuan dari ahli-ahli lelaki, adalah kerana kebanyakannya mereka ini terdiri daripada ahli-ahli perniagaan yang sibuk dengan urusan perniagaan hariannya. Bagi kaum wanita pula, mereka ini adalah lebih senang memandangkan mereka ini tidak bekerja. Maka ini dapat menjelaskan mengapa terdapat lebih ramai kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki dari segi penyertaan keahlian di dalam persatuan ini. Satu alasan yang dapat diberikan oleh pengkaji ialah tanggungjawab sesebuah keluarga itu dibahagi-bahagikan sesama suami dan isteri, di mana si suami bertanggungjawab menjaga ekonomi keluarganya, iaitu ia keluar bekerja untuk mendapatkan wang, sementara si isteri pula bertanggungjawab atas hal-hal keagamaan keluarga dengan menyertai aktiviti-aktiviti keagamaan di persatuan ini.


Jadual 6.1 : Bilangan keahlian Persatuan Wai San Negeri

Sembilan mengikut tahun 1970-1988.

Tahun	Bilangan ahli
1970	550
1972	602
1974	600
1976	640
1978	660
1980	648
1982	691
1984	680
1986	686
1988	813

Sumber : Rekod keahlian Persatuan Wai San Negeri Sembilan.

## Rajah 6.2 : Keahlian Persatuan Wai San Negeri Sembilan tahun 1970-1988



Sumber : Kerja Luar

## 6.2 Sokongan Kewangan

Menurut setiausaha persatuan, Wong Yoke Ying, persatuan memerlukan sebanyak lebih kurang \$1,000.00 untuk menguruskan pentadbiran persatuan ini setiap bulan. Untuk itu Persatuan Wai San memerlukan sumber kewangan yang agak tinggi di dalam mengendalikan perjalanan kegiatan persatuan ini. Persatuan ini tidak mempunyai sebarang bentuk bantuan kewangan khas dari mana-mana badan pertubuhan, mahupun dari sektor awam ataupun sektor swasta. Maka sumber kewangan persatuan diperolehi dari yuran ahli-ahli dan derma khas.

Kemampuan persatuan ini dalam menguruskan pentadbirannya adalah satu perkara yang amat dibanggakan. Walaupun wang yang dikutip dari yuran ahli-ahli persatuan tidak mencukupi namun persatuan telah berjaya memperolehi wang tambahan setiap kali ia memerlukannya. Di dalam usaha ini peranan terpenting telah dimainkan oleh setiausaha persatuan ini, di mana beliau akan pergi ke cawangan-cawangan persatuan Wai San yang lain untuk mendapatkan derma bagi tujuan tersebut. Surat-surat juga akan dihantar kepada persatuan-persatuan Cina untuk meminta sokongan kewangan dari masyarakat Cina khasnya dari pedagang-pedagang Cina di Negeri Sembilan. Melalui hubungan dan sokongan yang terjalin oleh persatuan ini dengan lain-lain badan pertubuhan maka terbentuk satu sifat tolong menolong di antara satu sama

lain.

Selain dari derma-derma yang diperolehi dari pihak-pihak luar, persatuan ini juga memperolehi sokongan kewangan yang amat kuat dari ahli-ahli persatuan. Kebanyakan daripada ahli-ahli persatuan ini adalah terdiri daripada ahli-ahli perniagaan yang kaya raya di Negeri Sembilan. Mereka ini sangat bermurah hati dan berkerjasama dalam menghulurkan sumbangan kewangan kepada persatuan ini apabila timbulnya masalah kekurangan wang. Majoriti daripada wang yang dikutip oleh persatuan adalah datangnya dari sumbangan ahli-ahli persatuan ini. Maka tidak hairanlah mengapa persatuan ini dapat menjalankan kegiatan-kegiatannya dengan jayanya hingga ke hari ini.

### 6.3 Kuasa

Walaupun persatuan ini mempunyai satu ahli jawatankuasa dengan peruntukan tanggungjawab masing-masing tetapi dari apa yang diperhatikan oleh pengkaji, hanya sebilangan kecil sahaja dari ahli-ahli jawatankuasa ini yang dapat menjalankan tugas mereka. Hampir kesemua perlaksanaan persatuan ini dilakukan oleh setiausaha sahaja. Terdapat juga ahli-ahli jawatankuasa yang tidak menjalankan tugas mereka. Malah ada di antara mereka ini tidak hadir langsung untuk aktiviti-aktiviti mingguan persatuan. Mereka ini hanya

hadir ke persatuan apabila mesyuarat persatuan di adakan. Sebenarnya ahli-ahli ini mempunyai tanggungjawab masing-masing baik di rumah ataupun di persatuan dan organisasi lain. Oleh itu tugas-tugas persatuan ini tidak dapat dilaksanakan oleh ahli-ahli persatuan dengan cekapnya.

Walau bagaimanapun persatuan ini amat bertuah kerana mempunyai seorang setiausaha yang banyak menyumbangkan tenaga kepada persatuan. Beliau yang tidak berkahwin telah menumpukan banyak tenaga dan usaha ke atas persatuan ini. Kegigihan dan kesungguhan beliau telah menjadi satu teladan kepada lain-lain ahli persatuan. Melalui kepimpinan beliau segala masalah pentadbiran persatuan ini telah dapat diselesaikan tanpa sebarang pertengkaran ataupun konflik sesama ahli-ahli persatuan.

#### 6.4 Bahasa Komunikasi

Memandangkan persatuan ini telah berakar umbi dari Hong Kong dengan ajaran yang dibawa oleh Sami Yuan Chan di dekad 60an melalui penggunaan bahasa Kantonese, maka pada hari ini bahasa Kantonese digunakan dalam persatuan ini. Segala upacara-upacara agama dan aktiviti-aktiviti lain persatuan dijalankan dengan penggunaan bahasa Kantonese. Penggunaan bahasa ini dapat diterima dengan mudahnya oleh ahli-ahli persatuan ini kerana bahasa ini diperaktikkan

dengan meluasnya di kawasan ini khususnya di Seremban. Melalui bahasa Kantonese, ajaran-ajaran teologi buddhis ini dapat difahami tanpa sebarang masalah pengertian bahasa oleh penganut-penganut Buddha di sini.

Sebab lain mengapa penggunaan bahasa Kantonese ini digunakan di persatuan ini ialah kebanyakannya ahli-ahli persatuan ini adalah terdiri dari mereka yang telah mencapai umur 50 tahun dan ke atas. Mereka ini adalah golongan yang kurang berpendidikan dan tidak fasih bertutur dalam bahasa Mandarin. Maka bahasa Kantonese ini adalah amat sesuai bagi mereka di mana bahasa ini digunakan dengan meluasnya dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Walaupun bahasa Kantonese digunakan dalam upacara-upacara keagamaan, namun bahasa ini juga digunakan dengan meluasnya dalam interaksi di antara ahli-ahli persatuan. Selain daripada penggunaan bahasa Kantonese ini, pengkaji juga mendapati ada bahasa lain yang digunakan oleh ahli-ahli persatuan ini iaitu bahasa Hakka dan Hokkien. Namun demikian penggunaan bahasa ini hanyalah sedikit sahaja apakala ahli-ahli ini berbual-bual sesama sendiri.

#### 6.5 Organisasi Kerja

Dalam menjalankan kegiatan-kegiatan persatuan,

pengkaji mendapati wujudnya satu kumpulan ahli persatuan yang begitu berusaha dan tekun melaksanakan kegiatan-kegiatan persatuan. Baik dari segi kegiatan yang berbentuk keagamaan mahupun yang berbentuk kebajikan, mereka pasti akan mengambil bahagian di dalamnya. Kumpulan ini merupakan segolongan wanita dalam lingkungan usia 50 tahun dan ke atas serta dua orang elaki yang berumur di antara 30 hingga 50 tahun.

Kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh persatuan ini baik secara langsung atau tidak langsung pasti akan dijayakan oleh kumpulan ini. Bukan sahaja mereka bersama-sama merancang dan mengetuai kegiatan-kegiatan persatuan, malah mereka ini juga akan bersama-sama menjaga kebersihan dan kecantikan kawasan persatuan ini. Pokok-pokok ditanam dan perkakas-perkakas persatuan diatur dan disusun balik dengan elok tanpa disuruh oleh sesiapapun. Kehadiran kumpulan ini adalah sangat penting bagi kedudukan persatuan ini. Ini adalah kerana persatuan amat bergantung kepada kumpulan ini untuk memelihara perjalanan serta imej persatuan. Maka tidak hairanlah dikatakan bahawa kumpulan ini merupakan orang penting persatuan dan sebagai tulang belakang persatuan.

Sifat komitmen mereka ini adalah disebabkan atas rasa tanggungjawab mereka terhadap persatuan ini. Sikap

tolong menolong dan berusaha membuat kebajikan kepada orang lain tanpa mengira kepentingan diri menjadikan mereka ini begitu tekun melaksanakan kegiatan-kegiatan persatuan. Dengan demikian segala tindak tanduk mereka dalam persatuan ini amatlah di sanjungi dan dihargai oleh ahli-ahli lain. Mereka inilah yang paling berperanan apabila sesuatu keputusan persatuan dibuat.

#### 6.6 Sikap Terhadap Agama

Walaupun buat masa ini jumlah pendaftaran ahli adalah seramai 813 orang, tetapi apabila kegiatan-kegiatan keagamaan dijalankan oleh persatuan seperti kelas-kelas Chanting dan perbincangan-perbincangan teologi Buddhis, pengkaji mendapat hanya sebilangan kecil sahaja ahli yang hadir iaitu tidak lebih dari 70 orang. Juga, setiap kali kegiatan-kegiatan ini dijaankan muka-muka yang sama sahaja yang dilihat oleh pengkaji.

Ramai ahli persatuan yang tidak menganggotai dan kurang berminat dalam kegiatan keagamaan persatuan. Malah ada yang datang sekali sahaja ke persatuan untuk sembahyang isitu pada Hari Wesak. Ramai ahli yang mendaftarkan diri semata-mata sebagai ahli persatuan sahaja, tanpa mengambil bahagian yang aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan oleh persatuan.

Kebanyakan ahli persatuan yang kuat beragama ini adaah terdiri dari mereka yang sudah berumur melebihi usia 50 tahun. Jarang terdapat pemuda-pemudi yang menghadiri kelas-keas agama ini. Terdapat juga kanak-kanak yang datang ke persatuan untuk Chanting pada hari pertama dan hari ke 15 (mengikut kalendar Cina). Mereka ini datang bersama-sama dengan emak, nenek dan saudara mereka yang merupakan ahli persatuan ini. Kanak-kanak ini tidak tahu cara-cara Chanting. Mereka cuma mengikut apa yang dilakukan oleh ahli=ahli persatuan ini.

Oleh itu walaupun kita mendapati jumlah ahli-ahli persatuan ini adalah agak besar, tetapi bilangan ahli yang menganggotai sesuatu aktiviti keagamaan persatuan adalah sedikit sahaja. Kebanyakan ahli-ahli persatuan ini menjadi ahli kerana hasrat hendak membuat kebajikan dan kurang berminat untuk memperdalamkan pengetahuan agama Buddhis masing-masing. Maka di dapat pada hari minggu, hanya sebilangan kecil ahli sahaja yang menyertai aktiviti keagamaan persatuan ini.

#### **6.7 Peralihan Kunan**

Untuk mengekalkan prestasi dan perjalanan persatuan ini di masa yang akan datang, kini Persatuan Wai San Negeri Sembilan sedang menjalani satu proses peralihan

kuasa. Menyedari hakikat bahawa kebanyakkan ahli-ahli persatuan yang aktif atau yang memegang peranan penting dalam persatuan adalah terdiri dari mereka yang tua maka usaha-usaha sedang dilakukan untuk melatih ahli-ahli persatuan yang lebih muda untuk menggantikan tempat ahli-ahli yang sudah lama berkhidmat ini.

Ahli-ahli persatuan yang lebih muda dan berkomitmen dipilih dan diberi latihan serta tunjuk ajar cara-cara mengendalikan persatuan ini. Pada hari minggu, sebelum kelas Chanting di mulakan, ahli-ahli baru ini akan diberi tunjuk ajar oleh ahli-ahli yang lama, bagaimana mengendalikan aktiviti-aktiviti keagamaan serta penggunaan alat-alatan keagamaan seperti loceng sembahyang dan sebagainya semasa sesuatu upacara dilakukan. Ahli Jawatankuasa Pusat persatuan yang lama seperti setiausaha, kini bersedia mengundurkan diri untuk memberikan peluang kepada ahli-ahli lain berkhidmat kepada persatuan. Tugas-tugas persatuan seperti hal-hal berkenaan dengan penjagaan kawasan persatuan, upacara-upacara sembahyang dan khidmat-khidmat kebajikan mula diagihkan kepada ahli-ahli yang lain untuk melaksanakannya.

Sememangnya, Persatuan Wai San Negeri Sembilan kini sedang menjalani satu tahap peralihan kuasa di mana muka-muka baru mula muncul untuk menerajui puuk pimpinan

persatuan ini. Usaha-usaha giat sedang dilakukan oleh persatuan untuk mewujudkan satu generasi baru, yang bakal memimpin persatuan ini ke masa depan yang lebih mencabar lagi. Dengan perubahan pemimpin-pemimpin persatuan yang lebih muda dan dinamis ini sudah tentulah persatuan ini akan dapat mencapai objektif-objektifnya dengan lebih bermakna lagi.

## KESIMPULAN

Setelah 20 tahun persatuan ini ditubuhkan, kini Persatuan Wai San berjaya mencapai satu kedudukan yang boleh dibanggakan di Negeri Sembilan. Dalam mencapai kedudukan ini, persatuan ini telah melalui berbagai tahap sebelum mencapai apa yang ia ada sekarang. Di zaman awalnya, persatuan ini tidak dapat memperolehi satu tempat yang sesuai untuk mendirikan satu bangunan persatuan yang sebetul-betulnya. Perletakan persatuan di Jalan Sikamat pada awalnya merupakan satu kedudukan tempat yang digunakan buat sementara sebelum satu lokasi yang sesuai dan strategik diperolehi buat ahli-ahli berkumpul. Maka di zaman ini iaitu di antara tahun 1970 hingga tahun 1980an terlihatkan Persatuan Wai San menjalankan aktivitinya dengan meminjam tempat CSK yang terletak di Jalan Lemon.

Mulai tahun 1985 barulah persatuan ini berjaya memperolehi satu tempat yang sesuai untuk didirikan satu bangunan persatuan. Kawasan ini terletak di Jalan Tun Dr. Ismail. Dengan pembinaan bangunan ini pada tahun 1987, maka Persatuan Wai San dikatakan mempunyai satu tempat sendiri buat menjalankan aktiviti persatuan dengan lebih sempurna lagi. Seterusnya, bangunan persatuan ini diperbesarkan lagi dengan mendirikan dapur dan Dewan Makan baru untuk membolehkan persatuan ini menampung keperluan persatuan

menyediakan makanan apakala menjalankan sesuatu aktiviti khas yang melibatkan orang ramai datang ke persatuan.

Kedudukan persatuan yang sempurna dan lengkap ini membolehkan persatuan menjalankan aktiviti-aktivitinya dengan lancar dan dengan sokongan penuh dari pengikut-penganut buddhis di Negeri Sembilan. Maka pengkaji mendapati tahun 1987 merupakan tahap pencapaian kemuncak persatuan ini. Bangunan persatuan yang dibentuk pada tahun 1987 di Jalan Tun Dr. Ismail merupakan kejayaan terbesar Persatuan Wai San dimana selama lebih kurang 17 tahun persatuan ini berusaha mencapai matlamat ini. Kejayaan Persatuan Wai San mewujudkan bangunan baru ini merupakan permulaan satu era baru persatuan dalam perlaksanaan kegiatan-kegiatan persatuan. Kelas-kelas chanting, ceramah dan perbincangan teologi Buddhis dan upacara-upacara keagamaan telah diadakan di bangunan persatuan dengan lebih sempurna dan mendapat penglibatan dari ahli-ahli persatuan dan juga orang ramai.

Berkenaan Persatuan Wai San adalah satu persatuan buddha bermazhab Mahayana pula, ini adalah kerana di dalam persatuan ini mereka memuja Amitabha Buddha dan Bodhisattva Avalotikesvara. Ugama -ugama Cina yang lain seperti Taoisme dan permujaan alam semulajadi tidak terdapat di persatuan ini. Di tempat di mana patung-patung diletakkan, pengkaji juga tidak mendapati sebarang persembahan berbentuk daging

dan makanan-makanan lain diletakkan di meja itu. Apa yang ditempatkan di atas meja itu hanyalah bunga-bunga yang dibawa oleh penganut-penganut buddha semasa mereka mengunjungi persatuan. Maka pengkaji mendapati persatuan ini merupakan sebuah persatuan buddhis yang tulin tanpa dicampurkan dengan lain-lain agama masyarakat Cina.

Pengkaji mengatakan bahawa persatuan ini merupakan persatuan Buddhis yang bermazhab Mahayana pula ialah kerana ajaran ini didatangi dari Hong Kong yang bersama-sama dengan China, Jepun dan Tibet mengalami penyebaran agama buddha bermazhab Mahayana. Di samping itu, persatuan ini juga memuja kepada Bodhisattva Avalotikesvara. Ciri-ciri Buddha bermazhab Mahayana ini juga dilihat di persatuan ini di mana kelas-kelas Dharma dan penyebaran agama Buddha adalah berlunaskan kepada teks-teks Mahayana semata-mata. Kitab-kitab Buddha yang terdapat di persatuan ini pula adalah dalam bahasa Cina di mana dikatakan di sekitar tahun 401 Selepas Masehi, Kumarajiva, iaitu penterjemah terkenal Mahayana telah dibawa ke China dan telah menterjemahkan kitab-kitab Buddha Mahayana ke bahasa Cina<sup>26</sup> Seperkara lagi, di upacara-upacara sembahyang, nama Amitabha Buddha ini di'chant' berulang kali. Ini adalah seperti yang terdapat dalam ajaran Buddha bermazhab Mahayana.

Pada hari ini, Persatuan Wai San boleh dikatakan agak popular dikalangan komuniti buddhis di Negeri Sembilan. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh persatuan ini mendapat perhatian dan sambutan di dalam komuniti buddhis di Negeri Sembilan. Namun, untuk menentukan susunan keutamaan aktiviti-aktiviti ini persatuan ini, satu kajian yang lebih menyeluruh terhadap komuniti buddhis di Negeri Sembilan perlulah dijalankan. Maka di sini pengkaji tidak dapat menentukan susunan keutamaan aktiviti-aktiviti persatuan ini di Negeri Sembilan. Di antara aktiviti-aktiviti persatuan yang mendapat perhatian komuniti buddhis di sini ialah perayaan Hari Wesak dan upacara-upacara sembahyang.

Memandangkan Persatuan Wai San mengadakan upacara sembahyang di pagi hari Wesak dan jamuan vegetarian food pada hari itu, ianya telah dapat menarik perhatian komuniti buddhis di Negeri Sembilan. Ini adalah kerana suasana harmoni dan masakan yang enak yang diwujudkan oleh persatuan pada hari yang mulia ini. Upacara-upacara sembahyang, khasnya kepada si mati dapat membekalkan khidmat persatuan ini kepada masyarakat buddhis. Sifat persatuan yang tidak mengheboh-hebohkan diri persatuan dan amal baktinya kepada masyarakat amat dihargai oleh masyarakat. Satu aktiviti lagi yang telah dapat memperkenalkan Persatuan Wai San kepada masyarakat luar adalah kegiatan -kegiatan kebajikan. Khasnya kebajikan tahunan yang diberikan kepada penghuni Rumah Orang

-orang Tua Sikamat dan persatuan - persatuan Cina yang lain di Negeri Sembilan dan juga di seluruh Malaysia. Melalui semua ini dan aktiviti -aktiviti lain, persatuan-persatuan Cina di Negeri Sembilan dapat mengenali persatuan ini dengan lebih rapat lagi.

Persatuan Wai San mempunyai sebilangan ahli jawatankuasa pusat yang sungguh bertanggungjawab dan berdedikasi. Di bawah pentadbiran ahli-ahli inilah, persatuan ini dapat dikembangkan hingga ke hari ini. Selama jangkamasa ini persatuan telah mengalami banyak perubahan terutamanya pada struktur bangunan persatuan. Sehingga ke hari ini, barisan ahli-ahli ini masih begitu aktif mentadbirkan persatuan. Selain daripada membuat kebajikan kepada masyarakat dengan memberi khidmat upacara sembahyang dan derma kebajikan, kini Persatuan Wai San berusaha menterjemahkan kitab-kitab Buddha ke bahasa Inggeris dengan menggaji seorang yang mahir dalam bidang penterjemahan bahasa untuk menguruskannya. Selain daripada ini, barisan ahli jawatankuasa pusat ini juga sedang mendidik ahli-ahli baru untuk menyediakan mereka untuk memikul tanggungjawab di persatuan ini pada kemudian hari. Sesungguhnya, pengkaji mendapati barisan ahli jawatankuasa pusat ini sangat mementingkan kepentingan persatuan serta perkembangannya.

Kejayaan persatuan ini adalah kerana ianya

mempunyai sekumpulan ahli yang sungguh berdedikasi terhadap persatuan. Malah mereka ini boleh dianggap sebagai tulang belakang persatuan ini. Sebarang perlaksanaan aktiviti dan kerja yang dibuat oleh persatuan pasti akan mendapat sokongan kuat dari ahli kumpulan persatuan ini. Kemunculan ahli kumpulan ini telah menolong persatuan menjalankan pentadbirannya dengan baik di mana mereka ini telah melakukan kerja-kerja ahli-ahli Jawatankuasa persatuan yang tertangguh akibat ketidakhadiran ahli-ahli Jawatankuasa ke persatuan. Jadi ahli-ahli kumpulan inilah yang sebenarnya menawarkan tenaga kerja mereka untuk menjayakan aktiviti-aktiviti persatuan. Satu faktor lagi yang mendorong kejayaan Persatuan Wai San selama ini ialah adanya sokongan kewangan yang kuat dari ahli-ahli persatuan. Kebanyakan ahli-ahli Persatuan Wai San adalah terdiri dari ahli-ahli perniagaan yang berjaya. Mereka ini sangat bermurah hati dan akan menderma wang kepada persatuan untuk sebarang tujuan perlaksanaan kegiatan persatuan dengan segera.

Satu suasana baik yang wujud di persatuan ini ialah terdapatnya pergaulan yang erat di antara ahli-ahli persatuan. Walaupun ahli-ahli Persatuan Wai San terdiri daripada berbagai golongan kelas dan bahasa pertuturan, namun ini semua tidak menghalang ahli-ahli persatuan berinteraksi di antara satu sama lain dengan rapat sekali. Kendaan yang sihat ini memberi satu kebaikan kepada

persatuan di mana ahli-ahli persatuan yang lebih muda dapat bersama-sama ahli-ahli yang lebih tua menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan dalam keadaan harmoni. Suasana harmoni ini juga memudahkan proses pengagihan kuasa diantara ahli-ahli tua kepada ahli-ahli yang lebih muda di Persatuan Wai San buat masa ini. Sesungguhnya, ini merupakan satu kebaikan kepada ahli-ahli persatuan ini di mana nasihat, tunjuk ajar serta teguran di antara satu sama lain dapat dilakukan tanpa menyakiti emosi seseorang ahli persatuan ini. Melalui semua ini, Persatuan Wai San dapat membentuk satu persatuan yang berjaya hasil dari sosialisasi yang sihat ini. Ini bukan sahaja dapat menarik lebih ramai penganut buddha ke persatuan ini malah didapati kanak-kanak juga mula mengunjungi persatuan ini sepetimana yang dilihat semasa upacara chanting di persatuan pada hari pertama dan hari kelima belas (mengikut kalendar cina). Di kaca mata pengkaji, Persatuan Wai San telah mewujudkan satu masyarakat kekeluargaan yang harmoni.

Dari kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Persatuan Wai San, pengkaji juga dapat melihat beberapa kelemahan ketara yang dihadapi oleh persatuan ini. Satu masalah ketara yang timbul di persatuan ini ialah masalah pentadbiran persatuan. Ada setengah ahli persatuan yang dilantik untuk menjalankan urusan pentadbiran persatuan tidak mampu berbuat demikian. Mereka ini kurang cekap mengendalikan perlaksanaan

urusan pentadbiran persatuan. Kebanyakan ahli-ahli ini kurang berpelajaran dan tidak fasih dalam bahasa Malaysia dan Inggeris. Maka urusan-urusan persatuan yang melibatkan bahasa-bahasa ini telah mendatangkan masalah pemahaman kepada ahli-ahli tersebut. Ini menyebabkan persatuan terpaksa sentiasa mendapatkan khidmat orang luar untuk mengatasi masalah ini. Kekurangan kakitangan persatuan untuk menguruskan hal-hal persatuan secara sepenuh masa juga merupakan satu masalah serius yang dihadapi oleh persatuan sekarang. Dengan ini didapati penangguhan kerja kerap berlaku di persatuan ini. Ini menyebabkan persatuan tidak dapat menguruskan urusannya dengan segera dan cekap.

Akhir sekali, pengkaji mendapati persatuan ini dapat berkembang di masa depan dengan apa yang ia sedang lakukan dan rancangkan. Adalah lebih baik lagi sekiranya persatuan ini dapat mengadakan lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti yang melibatkan lebih ramai generasi muda supaya dapat melahirkan barisan pemimpin-pemimpin yang berkalibar secara berterusan. Penggunaan bahasa Inggeris dalam aktiviti-aktiviti persatuan juga digalakkan supaya dapat memberi satu pemahaman yang lebih jelas tentang ajaran ini kepada generasi muda yang berpendidikan Inggeris dan Melayu. Ini akan membolehkan anak-anak muda Cina menganuti agama Buddha secara memahaminya dengan jelas dan sukarela dan bukan kerana mengikut ajaran orang tuanya. Persatuan ini

adalah juga perlu mendapatkan khidmat seorang kerani untuk bertugas sepenuh masa untuk mengendalikan urusan-urusan harian persatuan. Seperkara lagi, persatuan ini perlulah mengadakan hubungan yang lebih rapat dan kerap di antara Persatuan-persatuan Wai San di Malaysia dan Singapura serta membentuk perhubungan dua hala dengan Persatuan Miao Fa di Hong Kong. Dengan berbuat demikian, pemahaman teologi Buddha akan bertambah jelas dan ini akan meningkatkan kemajuan dan kepentingan agama Buddha di rantau ini amnya dan di Negeri Sembilan khasnya.

**Nota-kaki**

- 1) Yang, C.K. "Religion in chinese society", pp. 1.
- 2) Parrinder, Geoffrey, "Introduction to Asian Religions", pp. 87.
- 3) Tan, T. B. "Beliefs and Practices Among Malaysian Chinese Buddhists", pp. 1.
- 4) Yang, C. K. op-cit, pp. 29.
- 5) Ibid, pp. 31
- 6) Tan, T. B. op-cit, pp. 3.
- 7) Awang, Mohd Fauzi, "Ugama-ugama Dunia", pp. 102.
- 8) Tan, T. B. op-cit, pp. 10.
- 9) Parrinder, G. op-cit, pp. 100.
- 10) Awang, M. F. op-cit, pp. 100.
- 11) Ibid. pp. 114.
- 12) Tan, T. B. op-cit, pp. 6.
- 13) Ibid. pp. 114.

- 14) Awang, M. F. op-cit, pp. 60.
- 15) Lip, Evelyn, "Chinese Temples and Deities", pp. 78
- 16) Awang, M. F. op-cit, pp. 78.
- 17) Persatuan Miao Fa adalah sebuah persatuan Buddhis yang mempraktikkan kitab MFLFK. Ia adalah sebuah persatuan Buddhis bermazhab Mahayana di mana terdapat sami-sami Buddha menjalankan pentadbiran persatuan ini.
- 18) Pei Seng Gung adalah sebuah tokong Cina yang mempunyai unsur-unsur Taoisme.
- 19) MFLFK adalah sebuah kitab Buddhis yang mempunyai 24 bab. Kitab ini mengisahkan kehidupan Amithaba Buddha serta ajaran-ajarannya. Selain daripada ini, kitab ini juga mengandungi satu bab khas untuk Bodhisattva Avalokitesvara iaitu pada bab yang bertajuk Pho Moon Pun.
- 20) CSK adalah sebuah persatuan yang berdasarkan kepada agama. Di dalam persatuan ini, terdapat satu penggabungan unsur-unsur agama Buddha, Konfuciusme, Taoisme, Islam dan Kristian.

- 21) Laporan Minit Mesyuarat Persatuan Wai San Negeri Sembilan.
- 22) Ibid.
- 23) Ibid.
- 24) Temuduga dengan Wong Yoke Ying, iaitu setiausaha Persatuan Wai San Negeri Sembilan yang memegang jawatan ini sejak dari zaman awal penubuhan persatuan ini sehingga ke hari ini.
- 25) Temubual dengan ahli-ahli persatuan yang menghadiri aktiviti-aktiviti persatuan di hujung minggu dan pada hari pertama dan hari ke 15 (mengikut kalendar Cina). Ini adalah kerana rekod-rekod keahlian tidak dapat diperolehi.
- 26) Tan, T. B. op-cit, pp. 17.

BIBLIOGRAFI

- Awang, Mohd Fauzi,  
"Ugama-ugama Dunia",  
Kota Bahru, Pustaka Aman Press,  
1964.
- Blofeld John,  
"Mahayana Buddhism in South-East  
Asia",  
S'pore, Asia Pasific Press, 1971.
- Conze Edward,  
"Buddhism: its essence and  
Development",  
Oxford, B. Cassier, 1951.
- Lee, Raymond L. M.,  
"Heaven in transition: non-muslim  
religious innovation and ethnic  
identity in Malaysia",  
Honolulu, University of Hawaii  
Press, 1988.
- Lip, Evelyn,  
"Chinese Temples and Deities",  
S'pore, Times Book International,  
1981.
- Mc Dougall, Colin,  
"Buddhism in Malaysia",  
S'pore, Donald Moore, 1956.

- Parrinder, Geoffrey, "An Introduction to Asian Religions", London, S.P.C.K. 1982.
- Sangharakshita, Bhikshu, "A Survey of Buddhism", Bangalore, Indian Institute of World Culture, 1959.
- Soothall, William Edwards, "The Three Religions of China", 3rd. Ed. London, Curzon Press, 1973.
- Tan, T. B., "Beliefs and Practices Among Malaysian Chinese Buddhists", Kuala Lumpur, Buddhist missionary Society, 1988.
- Teo, Cheng Poh Ronnie, "Satu Kajian Ke Atas Satu Persatuan Buddhis Di Negeri Melaka", Kuala Lumpur, Latihan ilmiah bagi Ijazah Sarjana Muda Sastera, sesi 1987/88.
- Teoh, Eng Soon, "Malayan Buddhism: A Critical Examination", S'pore, Eastern University Press, 1983.

- Yang, C. K.                    "Religion in chinese society",  
                                  Berkeley,       University       of  
                                  California Press, 1961.
- Zurcher, Erik,                 "Buddhism: its origin and spread  
                                  in words, maps and pictures",  
                                  London, Routledge and K. Paul,  
                                  1962.

## LAMPIRAN GAMBAR



Gambar 1 : Pintu Masuk Utama ke Persatuan Wai San Negeri Sembilan.



Gambar 2 : "Shrine Hall" atau Dewan Beribadat.



Gambar 3 : Pejabat dan Bilik Sumber.



Gambar 4 : Bahagian Tepi Bangunan Persatuan.



Gambar 5 : Dewan Makan Baru.



Gambar 6 : Kawasan Memasak dan Membasuh Baru.



Gambar 7 : Dapur Asal.



Gambar 8 : Dapur yang Baru.



Gambar 9 : Patung Amitabha Buddha di Dewan Beribadat.



Gambar 10 : Patung Amitabha Buddha dan Patung-patung Bodhisattva Avalotikesvara di Bahagian Tepi Bangunan Persatuan.

Gambar 11 :

Kaset-kaset Buddha yang terdapat di Bilik Sumber. Terlihat juga gambar Sami Yuen Chan di atas almari berserta dengan gambar Ahli Jawatankuasa Persatuan di bawahnya.



Gambar 12 : Kitab-kitab Persatuan yang disimpan di dalam almari di Bilik Sumber.



Gambar 13 : "Marble Plate" yang diukir dengan nama Penderma di dinding Dewan Beribadat.



Gambar 14 : Senarai Penderma untuk Perayaan Hari Wesak dan Penghuni Orang-orang Tua Sikamat yang dilekatkan pada dinding Dewan Beribadat.



Gambar 15 : Upacara Sembahyang pada Hari Pertama dan Hari Ke-15 (mengikut Kalender Cina).



Gambar 16 : "Chanting" yang dilakukan pada Hari Pertama dan Hari Ke-15 (mengikut Kalender Cina).



Gambar 17 : Kelas "Chanting " di Persatuan pada Hari Minggu.



Gambar 18 : "Dharma Talk" di Persatuan pada Hari Minggu.




Gambar 19 : Wong Yoke Ying, Setiausaha Persatuan dari awal Penubuhan Persatuan hingga sekarang.



Gambar 20 : Penganut-penganut Buddha sedang menikmati jamuan kecil selepas "Dharma Talk" dan Kelas "Chanting".

LAMPIRAN 1

PINTU MASUK  
UTAMA



PETA LAKAR PERSATUAN WAI SAN

WAI SAN HOCK PAK YIP NEGERI SEMBILAN  
Statement of Receipts & Payments Accounts for the year 1987


Particulars:	Receipts:	Payments:
To Balance of Current Bank No. 1 b/f.	\$ 931.35	
" " " " " No. 2 b/f.	5,544.67	
" " " In Hand b/f.	83.83	
" " " Fixed Deposit	37,289.76	
Contributions	5,793.00	
Building Fund	44,266.86	
Entrance Fees	46.00	
Interest on Fixed Deposit	2,772.55	
Insurance Premium for Permanent Member	600.00	
Social Donations	12,123.92	
<u>Building Fund:</u>		
Cst. b/f.	\$250,092.32	Furniture & Equipments 4,287.05
Add 1987	44,266.86	Statute Buddha 14,377.00
	<hr/> 302,360.25	Fixed Deposit (Lee Wah Bk.) 40,062.31
		Deposits - Light, Water & Telephone 780.00
		<u>Cash:</u>
		At Bank No. 1 \$ 10,239.97 ✓
		At Bank No. 2 35,873.23 ✓
		In Hand .32 ✓
		<hr/> 46,113.52
	<hr/> 405,626.88	<hr/> \$405,626.88

Lampiran 2

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan serta Penyata Akaun Tahunan Persatuan Wai San Negeri Sembilan untuk Tahun 1987


  
PRESIDENT

黃三英  
SECRETARY

  
鄭培  
TREASURER

### Lampiran 3

#### Struktur Organisasi Persatuan Wai San Kajian Ugama Buddha Negeri Sembilan



WAI SAN HOCK FAK YIP, NEGERI SEMBILAN

List of Office-bearers for the year 1988 & 1989

Title	Name	I/C No.	Residential Address
President	Lim Soh Kuai 林素環	2001734	No. 267, Rasah Road, Seremban, N.S.
Vice-President	Wong Yoot Kwai 黃月桂	1296176	No. 173 -B, Temiang Road, Seremban, N.S.
Secretary	Wong Yoke Ying 黃玉英	2475630	No. 21, Temiang Road, Seremban, N.S.
" "	Lee Chui Ling 李翠玲	0891862	No. 468, Jalan RJ 1/8 Rasah Jaya, 70300 Seremban, N.S.
" "	Beh Nyap Sung 馬業昌	0215457	No. 65, Jalan Lobak, 70200 Seremban, N.S.
" "	Lim Pak Eun 林博森	2472147	No. 51 -B, Jalan Yam Tuan 70000 Seremban, N.S.

Lampiran 4

Senarai nama pemegang jawatan Persatuan Wai San

Negeri Sembilan sesi 88/89

PRESIDENT

SECRETARY

TREASURER

Kitab Miew Fatt Lin Fah Keng Pho Moon Pun

維新佛學社出品

妙法蓮華經普門品

Miew

Fatt

Lin

Fah

Keng

Pho

Moon

Pun